AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"WAHAI orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah, menjadi saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 8.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.38 | ISYAK 7.52 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 85 | 16 JULAI 2025 / 1447 محرم 20 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

دولت کباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
79 Tahun

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# TELITI KAEDAH PENDEKATAN KERJA SELARAS LANDSKAP SOSIAL, KEPERLUAN SEMASA

Oleh : Marlinawaty Hussin



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Julai. - Pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkeutamaan di bawah ketiga-tiga *blueprint* Wawasan Brunei 2035 iaitu Tenaga Manusia, Sosial dan Ekonomi yang mampu mendatangkan impak besar khasnya dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk sentiasa terpelihara kini semakin rancak dijalankan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara tersebut semasa berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 di Istana Nurul Iman.

>> Muka 3

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-79. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.**

# Istiadat Barisan Kehormatan penuh gilang-gemilang

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Julai. - Seluruh rakyat jelata tidak melepaskan peluang untuk hadir seawal pagi tadi bagi sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 di ibu negara.

>> Muka 7



**KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Barisan Kehormatan. - Foto : Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar.**

## Berita Utama



PENDAFTARAN Kursus Seni Khat Republik Turkiye kini dibuka

Muka 20



MEMPERKUKUHKAN kefahaman, semangat pendakwah muda

Muka 39



MENGETENGAHKAN potensi, bakat murid-murid

Muka 41



RENCANA

MERAFAK sembah menjunjung kasih

Muka 44

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# NBD mampu menerajui usaha membina industri akuakultur untuk generasi akan datang



**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap semasa pelancaran Projek AquaPV Net-Zero Untuk Udang Biru Generasi Seterusnya dan Hab Integrasi A.I (Net-Zero AquaPV Project for Next-Generation Blue Shrimp and A.I Integration Hub) yang diadakan pada Isnin, 7 Julai 2025 bertempat di Pusat Perikanan Serasa.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Ak. Jefferi Pg. Durahman**

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi.**

**SAYA** amat berbesar hati berada di sini hari ini untuk bersama-sama merasmikan pelancaran inisiatif berwawasan dan berpandangan ke hadapan ini yang merupakan kemudahan akuakultur udang berkuasa solar berskala besar yang pertama di Asia Tenggara. Pelancaran hari ini bukan sahaja satu peristiwa penting bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) tetapi juga satu demonstrasi bagaimana inovasi teknologi canggih dan kemampanan boleh bersatu untuk membina masa depan yang lebih baik.

Pertama sekali, saya dengan sukacita ingin berkongsi bahawa projek ini merupakan satu pencapaian yang signifikan dalam usaha berterusan negara kita untuk memajukan industri akuakultur terutamanya melalui pemulihan semula penternakan Udang Biru, iaitu spesies yang terkenal dengan nilai pemakanan dan komersial yang tinggi. Kemudahan ini menandakan kembali penternakan Udang Biru, kini dipertingkatkan dengan penyelesaian tenaga bersih dan sistem yang dipacu Kecerdasan Buatan (AI). Ia merupakan era baharu akuakultur yang jitu, di mana produktiviti yang dipertingkatkan seiring dengan tanggungjawab dan kemampanan alam sekitar.

Projek ini selaras dengan misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk meningkatkan pengeluaran makanan melalui penggunaan teknologi canggih dan teknik-teknik moden, di samping mendukung matlamat kelestarian alam sekitar dalam pembangunan ekonomi. KSSUP juga berharap ladang generasi akan datang ini akan menjadi contoh kepada model operasi baharu dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sektor perikanan.

Selain daripada kepentingan sektor akuakultur, projek ini juga menyentuh tentang kepentingan global yang lebih besar – perubahan iklim dan kemampanan. Permintaan makanan yang meningkat disebabkan oleh pertumbuhan penduduk telah menyebabkan peningkatan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) dan kemerosotan alam sekitar. Pada 2022, Rangkaian Ketahanan Iklim ASEAN menekankan bahawa pertanian (termasuk perikanan), perhutanan dan penggunaan tanah menyumbang antara 13 - 21 peratus daripada pengeluaran GHG global. Akuakultur juga telah dikenal pasti sebagai sumber pelepasan utama dan oleh itu, Projek Net Zero AquaPV hari ini memberikan peluang kepada kita untuk mengubah arah aliran trend berkenaan.

Kolam seluas 10,000 meter persegi itu, yang menggunakan kuasa panel Fotovoltaik, menunjukkan satu contoh berharga tentang pertanian *off-grid* dan pengurusan tanah dwiguna yang cekap. Sistem ini menonjolkan sinergi antara penjanaan tenaga bersih dan akuakultur yang mampan, di samping menawarkan pelan tindakan bagi sistem pertanian masa depan yang mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil dan menyokong komitmen NBD ke arah Sifar Bersih menjelang 2050.

Lebih daripada sekadar meningkatkan pengeluaran udang, kemudahan ini merangkumi pendekatan holistik yang mengimbangi peluang ekonomi dengan tanggungjawab dan kemampanan alam sekitar. Ia merupakan satu langkah yang berani sejajar dengan matlamat pembangunan jangka panjang NBD iaitu menyokong jaminan makanan, peralihan tenaga dan pertumbuhan karbon rendah.

Projek ini akan berfungsi sebagai platform untuk pembelajaran, penyelidikan dan penambahbaikan berterusan. Pemantauan prestasi yang dipacu berasaskan data menggunakan AI akan membantu meningkatkan hasil, mengembangkan integrasi tenaga boleh diperbaharui, dan membangunkan model yang boleh digunakan dan dipelajari oleh orang lain. Projek ini merupakan satu demonstrasi yang jelas yang boleh kita tanamkan dan kembangkan, sambil kita menerima pakai kemampanan.

Inisiatif ini juga menyokong wawasan negara kita - Wawasan 2035 - dengan menggalakkan kepelbagaian ekonomi, pemerkasaan belia dan pengawasan alam sekitar. Melalui kerjasama dengan DABANC, JETS, dan kolaborasi ASEAN, kami sedang merintis satu laluan pembangunan yang boleh memberi inspirasi kepada rantau ini dalam usaha kemampanan mereka sendiri. Komitmen NBD terhadap teknologi bersih, penggunaan sumber yang bertanggungjawab dan daya tahan ekonomi menjadi contoh berharga bagaimana industri yang bersedia untuk masa hadapan boleh dibina dengan penjagaan alam sekitar jangka panjang.

Marilah kita berbangga dengan kejayaan fasa awal ini. Dan ia akan memberi inspirasi kepada komitmen dan kerjasama selanjutnya. Dengan tanggungjawab bersama dan pandangan teknologi yang jauh, NBD boleh menerajui usaha membina industri akuakultur yang mampan, berteknologi tinggi dan berdaya tahan yang memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Tahniah sekali lagi kepada Syarikat Jets Sendirian Berhad, DABANC, dan semua rakan kongsi yang terlibat untuk pelancaran Projek Net-Zero AquaPV ini untuk Udang Biru Generasi seterusnya dan A.I. Integration Hub. Marilah kita terus maju bersama dengan inovasi yang bermakna dan tanggungjawab bersama.

Terima kasih.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| JULAI MASIHI | HARI | MUHARAM HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | RABU | 20 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 17 | KHAMIS | 21 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.28 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 18 | JUMAAT | 22 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 19 | SABTU | 23 | 4.42 | 4.52 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 20 | AHAD | 24 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 21 | ISNIN | 25 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 22 | SELASA | 26 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.40 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

16 JULAI 2025

# Ke arah pemuliharaan biodiversiti marin, kelestarian perikanan

**SUMBER** kehidupan ekosistem pantai termasuk paya bakau, rumpai laut dan terumbu karang semakin terancam di seluruh dunia malah di rantau kita sendiri ekosistem marin semakin merosot secara besar-besaran akibat daripada tindakan kita sendiri.

Selain itu, pencemaran marin yang didorong oleh pelupusan plastik dan sisa industri yang tidak bertanggungjawab serta peralatan menangkap ikan yang terbiar, hilang atau dibuang terus memudaratkan habitat marin.

Sementara pencemaran mikroplastik dan pukat terbiar di dalam sistem terumbu karang merupakan antara isu mendesak yang telah dikenal pasti, sekali gus menekankan keperluan mendesak untuk penyelidikan lanjut dan penyelesaian yang berkesan bagi menangani ancaman-ancaman berkenaan.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap sempena Sambutan Hari Lautan Sedunia 2025 baru-baru ini.

Menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam (NBD) mengiktiraf lautan sebagai tunjang utama kepada sektor marin dan perikanan negara, yang memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan makanan, menyediakan sumber rezeki, membuka peluang ekonomi dan menjadi pemangkin kepada perdagangan serta pembangunan negara.

Sementara ekosistem pantai termasuk paya bakau, rumpai laut dan terumbu karang, berfungsi sebagai penyerap karbon yang kuat dan bertindak sebagai penampan semula jadi yang melindungi pantai daripada kesan perubahan iklim yang semakin meningkat.

Pada masa yang sama, pengambilan sumber marin secara tidak mapan berikutan daripada akibat penangkapan ikan berlebihan dan juga amalan penangkapan ikan yang merosakkan turut menjadi punca kebimbangan. Perkara ini juga seiring dengan kemusnahan hutan bakau dan landskap pantai yang lain yang telah mengganggu keseimbangan ekosistem.

Yang Berhormat turut melahirkan kebimbangan bahawa kesihatan ekosistem marin juga semakin terjejas akibat daripada kesan perubahan iklim yang lebih luas dan kompleks. Di samping peningkatan suhu lautan yang membawa kepada kejadian pemutihan kerang yang kerap dan teruk, selain pengasidan lautan melemahkan struktur terumbu dan menghalang pertumbuhan organisma bercengkerang.

Ke arah pemuliharaan biodiversiti marin dan kelestarian perikanan, Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa lebih 1,400 unit terumbu karang tiruan telah ditempatkan antara tahun 2020 hingga 2023, dan komited untuk menempatkan tambahan sebanyak 1,000 unit lagi menjelang 2029.

Oleh itu, semua pihak berkepentingan di NBD agar mengamalkan pendekatan yang lebih prihatin terhadap alam sekitar demi mencapai pembangunan ekonomi yang mampan. **- Ketua Penyuntingan (Rd)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Teliti kaedah pendekatan kerja selaras landskap sosial, keperluan semasa



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-79 (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada istiadat berkenaan.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor/Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar**

>> Muka 1

"Beta menyedari bahawa dalam era baharu yang penuh mencabar, amatlah penting bagi kita meneliti dan menyesuaikan kaedah-kaedah serta pendekatan kerja yang selaras dengan perubahan landskap sosial dan keperluan semasa," titah baginda.

Maka ke arah itu, menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan baginda telah melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap dasar dan undang-undang sedia ada.

"Beta telah memperkenankan bagi Perintah Kanun Tanah (Pindaan) 2025 untuk mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025 yang akan menambah baik dan memudahkan proses pemilikan tanah bagi rakyat dan beberapa kategori penduduk di NBD termasuk mereka yang berstatus *stateless*.

"Kerajaan beta juga sedang merangka 'Digital Brunei Transformation Plan' yang akan mengetengahkan potensi Artificial Intelligence (AI) dalam agenda transformasi negara pelbagai sektor," titah baginda lagi.

Selain itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah telah memperkenankan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Personal Data Protection Order 2025) untuk berkuatkuasa pada 1 Januari 2026 dengan matlamat untuk mengelakkan risiko penyalahgunaan dan sebarang bentuk ancaman melalui saluran siber demi melindungi kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini.

"Dari sudut ekonomi, kerajaan beta juga telah memperluaskan pelaksanaan Perintah Pekerjaan (Upah Minimum) kepada tujuh industri tambahan bermula pada 1 April 2025.

"Ini termasuk sektor-sektor Perbankan dan Kewangan; Teknologi dan Infokomunikasi (ICT); Sekuriti; Pelancongan dan Penginapan; Arkitek, Kejuruteraan Professional, Ukur Bahan dan Ukur Tanah; Perubatan dan Pergigian; dan Pendidikan Tinggi Swasta," titah baginda.

Sementara itu, baginda bertitah bahawa usaha peningkatan kemahiran akan terus diperkembangkan menerusi penawaran 16 kursus baharu di bawah Program SkillPlus yang disesuaikan dengan keperluan industri dan pasaran semasa.

"Beta berharap para belia khususnya akan mengambil peluang ini untuk terus maju, membina kemahiran baharu dan menjadi pemimpin masa depan yang berdaya tahan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pada akhir titah, baginda dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, termasuk mereka yang bertugas di luar negara di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan baginda.

Baginda juga bertitah melahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan di Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Daerah di atas segala usaha dan khidmat yang mereka hulurkan bagi menjayakan perayaan tersebut.

Selain turut mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat-Nya ke atas seluruh lapisan rakyat yang amat baginda kasihi dan semoga NBD akan terus dikurniakan keberkatan serta kekal aman dan makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.



# 14 PENERIMA DIKURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN NBD

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor/Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 Tahun di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

>> Muka 4





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada dua penerima, iaitu Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee dan Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Vice Admiral Aaron Beng Yao Cheng (kiri dan kanan).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' kepada Jurutulis Majlis Mesyuarat Diraja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah dan Ketua Pengarah Pejabat Kebawah DYMM, Dayang Suraya binti Haji Jaidin (kiri sekali dan kiri).**

>> Muka 3

Istiadat yang berlangsung penuh adat istiadat di Balai Singgahsana Indera Buana itu bermula dengan pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada seramai 14 penerima sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) yang membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada dua penerima, iaitu Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee dan Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Vice Admiral Aaron Beng Yao Cheng.

Seterusnya diikuti dengan pengurniaan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' kepada empat penerima iaitu Jurutulis Majlis Mesyuarat Diraja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah; Ketua Pengarah Pejabat Kebawah DYMM, Dayang Suraya binti Haji Jaidin; Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Pejabat Kebawah DYMM, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor; dan Pengarah Non-Invasif Kardiologi, Pakar Perunding Kardiologi dan Pakar Perubatan, Gleneagles JPMC, Dr. Thirunavukkarasu Ganesan.

>> Muka 5

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' kepada Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Pejabat Kebawah DYMM, Awang Haji Hashim bin Haji Mohd. Noor dan Pengarah Non-Invasif Kardiologi, Pakar Perunding Kardiologi dan Pakar Perubatan, Gleneagles JPMC, Dr. Thirunavukkarasu Ganesan (kanan dan kanan sekali).**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.) kepada Major (B) Nick Cann dari United Kingdom dan mantan Pemangku Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei, 488 Kapten (B) Awang Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin (kiri sekali dan kiri).**

**KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.) kepada Pengerusi Kumpulan Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Abd. Hamid@Haji Sabli bin Haji Arsad (kanan).**

**BAGINDA berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B.) kepada Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin (kanan sekali).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B.) kepada Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, yang juga Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali dan Pegawai Undang-Undang Kanan, Pegawai Pendakwa Raya dan Ketua Unit Jenayah Am, Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara, Awang Shamshuddin bin Haji Kamaluddin (kanan dan kanan sekali).**





>> Muka 4

Kebawah DYMM seterusnya mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.) kepada tiga penerima, iaitu Major (B) Nick Cann dari United Kingdom; Mantan Pemangku Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei, 488 Kapten (B) Awang Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin; dan Pengerusi Kumpulan Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Abd. Hamid@Haji Sabli bin Haji Arsad.

Sementara itu, seramai lima orang lagi dikurniakan dengan Bintang Kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B.) iaitu Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, yang juga Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; Pegawai Undang-Undang Kanan, Pegawai Pendakwa Raya dan Ketua Unit Jenayah Am, Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara, Awang Shamshuddin bin Haji Kamaluddin; Pemangku Pengarah Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan, Awang Lim Kian Boon; dan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Serikandi, Dr. Shaikh Haji Khalid bin Shaikh Haji Ahmad.

>> Muka 6





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B.) kepada Pemangku Pengarah Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan, Awang Lim Kian Boon dan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Serikandi, Dr. Shaikh Haji Khalid bin Shaikh Haji Ahmad (kiri sekali dan kiri).**



**SUASANA Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 Tahun di Istana Nurul Iman.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Menguriakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 Tahun.**





**KEBAWAH DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja menadah tangan ketika doa dibacakan pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 Tahun (atas dan bawah kiri).**

>> Muka 5

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Antara tetamu peribadi Kebawah DYMM ialah Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd. Sanusi; Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin; Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Dato Seri Setia Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg; dan Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Ehwal Dalam Negeri Kedua, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Edwin Tong dan isteri, Madam Au Huey Ling.





**ANTARA tetamu peribadi Kebawah DYMM yang hadir pada istiadat berkenaan (atas dan atas kanan). sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir pada istiadat tersebut.**





**BAGI memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**

# ISTIADAT BARISAN KEHORMATAN PENUH GILANG-GEMILANG

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor/Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad, Dk. Nurhafilah Pg. Osman, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar**





**KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Barisan Kehormatan (atas dan kiri). Manakala gambar bawah kiri, bawah kanan dan bawah tengah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet dan tetamu-tetamu peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**

>> Muka 1

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 diraikan dalam suasana gilang-gemilang bermula dengan Istiadat Barisan Kehormatan.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disambut meriah dengan kibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) daripada lebih kurang 6,000 penuntut sekolah serta pukulan hadrah seramai 500 penuntut yang mengiringi perarakan masuk baginda di sepanjang jalan menuju ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Berangkat sama ke istiadat tersebut, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba baginda dan kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), CP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin.

>> Muka 8





**PARA penuntut sekolah yang berbaris di sepanjang jalan menuju ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam (bawah sekali kanan). Manakala gambar kiri, orang ramai tidak melepaskan peluang menyaksikan istiadat berkenaan. Sementara gambar bawah, suasana Istiadat Barisan Kehormatan.**









PELITA BRUNEI





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Istiadat Barisan Kehormatan. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan kiri).**

>> Muka 7

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima Tabik Hormat Diraja diiringi lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh gabungan Pasukan Pancaragam ABDB dan PPDB diikuti tembakan meriam sebanyak 21 das.

Baginda seterusnya berkenan berangkat memeriksa pasukan-pasukan perbarisan sejumlah 1,141 orang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB); Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB); Gabungan Askar Wanita (GAW) ABDB; PPDB; Polis Wanita PPDB serta jabatan-jabatan beruniform termasuk Jabatan Penjara; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; Jabatan Bomba dan Penyelamat; dan Pasukan Perkhidmatan Bomba Penerbangan Awam.

Juga menyertai perbarisan, pertubuhan-pertubuhan awam seperti Pasukan Kadet Tentera ABDB; Pasukan Kadet PPDB; Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam; Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam; Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam; Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat dan Program Khidmat Bakti Negara.

>> Muka 9







**SEKITAR Istiadat Barisan Kehormatan yang penuh gilang-gemilang (atas kiri, atas dan atas tengah).**





**ORANG ramai yang hadir menyaksikan istiadat tersebut (kiri), manakala gambar kiri sekali, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.**




**KEMUNCAK istiadat ialah laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' yang disembahkan oleh kesemua pasukan yang mengambil bahagian, disusuli dengan Hormat Diraja dan terbang lalu dua buah pesawat C295MW dan tujuh buah helikopter Blackhawk, TUDB.**

>> Muka 8

Pada upacara istiadat tersebut juga menyaksikan pasukan-pasukan kawalan kehormatan serta pembawa Panji-Panji Kebawah DYMM, Panji-Panji Pasukan ABDB dan Panji-Panji Diraja PPDB berjalan lalu di depan Pentas Diraja dalam gerak perlahan dan cepat di bawah pimpinan Pemerintah Perbarisan, Leftenan Kolonel Faizal Azly bin Haji Rosli.

Kemuncak istiadat ialah laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' yang disembahkan oleh kesemua pasukan yang mengambil bahagian, disusuli dengan Hormat Diraja dan terbang lalu dua buah pesawat C295MW dan tujuh buah helikopter Blackhawk, TUDB.

Juga hadir tetamu-tetamu peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia antaranya ialah Menteri Undang-Undang dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Kedua, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Edwin Tong selaku wakil kerajaan Republik Singapura dan isteri, Madam Au Huey Ling.

Turut berangkat dan hadir ke istiadat berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Pedalaman, para perwakilan asing ke negara ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan, termasuk tetamu-tetamu khas baginda dari kalangan negara jiran dan sahabat.

Dengan berlangsungnya istiadat itu, maka bermulalah acara-acara keraian seperti Pentas Perayaan yang disusun sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79 di keempat-empat daerah.






**SEBAHAGIAN yang menyertai perbarisan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri). Manakala gambar bawah kanan dan bawah sekali kanan, rakyat dan penduduk di negara ini tidak melepaskan peluang untuk sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan raja yang menjadi sanjungan rakyat iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**







# BERKENAN MENERIMA MENGADAP TETAMU PERIBADI KEBAWAH DYMM

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri serta rombongan (atas dan bawah kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap tetamu-tetamu peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari negara-negara sahabat yang berada di negara ini bagi menghadiri Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-79 Tahun pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mula-mula menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohammad Sanusi.

Juga mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Premier Sarawak, Yang Amat Berhormat Dato Seri Setia Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg; Timbalan Premier Sarawak, Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan, Sarawak, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan dan isteri, Yang Berbahagia Datin Dato Hajah Dayang Morliah binti Datuk Haji Awang Daud.

>> Muka 11







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Menteri Undang-Undang dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Kedua, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Edwin Tong dan isteri (kanan).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Musa bin Haji Aman dan isteri (atas tengah), manakala gambar atas, baginda berkenan menerima mengadap Ketua Dewan Ekonomi Nasional Republik Indonesia, Yang Terhormat Jenderal (Purn.) Luhut Binsar Pandjaitan.**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Vice Admiral Aaron Beng Yao Cheng dan isteri (kiri).**

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Jeneral Songwit Noonpackdee dan isteri.**



>> Muka 10

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin.

Juga mengadap Kehadapan Majlis baginda berdua, Menteri Undang-Undang dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Kedua, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Edwin Tong dan isteri, Madam Au Huey Ling.

Kemudian juga mengadap Kehadapan Majlis baginda berdua ialah Ketua Dewan Ekonomi Nasional Republik Indonesia, Yang Terhormat Jenderal (Purn.) Luhut Binsar Pandjaitan.

Juga mengadap, Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Vice Admiral Aaron Beng Yao Cheng dan isteri, Datin Sharon Koh.

Seterusnya Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Jeneral Songwit Noonpackdee dan isteri, Datin Panyada Noonpackdee.

Kemudian baginda berdua berkenan menerima mengadap Yang Terhormat Jenderal TNI (Purn.) Dato Paduka Seri Muhammad Andika Perkasa dan isteri, Datin Diah Erwiany Perkasa.

Turut mengadap ialah Ketua Pegawai Eksekutif Konsultan Kanan Bedah Kardiotorasik, Institut Jantung Negara (IJN), Dato Sri Dr. Mohamed Ezani Md. Taib dan isteri, Datin Sri Rayslida binti Mohd. Rashdan serta para pegawai dari IJN Malaysia.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Yang Terhormat Jenderal TNI (Purn.) Dato Paduka Seri Muhammad Andika Perkasa dan isteri (atas dan bawah).**





**TURUT mengadap ialah Ketua Pegawai Eksekutif Konsultan Kanan Bedah Kardiotorasik, Institut Jantung Negara (IJN), Dato Sri Dr. Mohamed Ezani Md. Taib dan isteri, Datin Sri Rayslida binti Mohd. Rashdan serta para pegawai dari IJN Malaysia (atas).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Pegawai Eksekutif Konsultan Kanan Bedah Kardiotorasik, IJN, Dato Sri Dr. Mohamed Ezani Md. Taib dan isteri serta para pegawai dari IJN Malaysia (kiri).**

# MERAFAKKAN DOA KESIHATAN, KESEJAHTERAAN RAJA KESAYANGAN RAKYAT





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas dan kiri).

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar**

**KIARONG,** Isnin, 14 Julai. - Rakyat jelata dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini sama-sama menghadirkan diri ke semua masjid, surau dan juga balai ibadat bagi sama-sama menzahirkan patriotisme sebagai tanda kecintaan terhadap raja yang dikasihi terutama sekali menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 pada tahun ini.

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 lebih bermakna dengan keberangkatan baginda bercemar duli ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, lewat petang tadi.

Juga berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun.

>> Muka 13



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (atas).



JEMAAH yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan (kanan).

>> Muka 12

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-79, Tahun 2025.

Sejurus Azan Fardu Maghrib berkumandang, Kebawah DYMM dan kerabat diraja menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi sama-sama memohon kesihatan, keafiatan dan kesejahteraan serta semoga NBD terhindar daripada segala bencana dan seterusnya sentiasa dikurniakan kemakmuran dan kesejahteraan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim selanjutnya mengepalai bacaan Doa Kesyukuran yang antara lain merafakkan permohonan doa.

"Kami selaku rakyat jelata di NBD merafakkan rasa syukur dan gembira atas nikmat lanjut usia, sihat tubuh badan serta kekal karar memerintah bagi raja kami yang dikasihi, Kebawah DYMM merafakkan doa lanjut usia, kekal memerintah negara bagi raja kami, Kebawah DYMM Paduka Seri Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Ya Tuhan kami, mohon perkenankan doa kami, supaya kami terus konsisten mengasihi raja kami, terus menyokong dan mendukung kepimpinan baginda, sehingga dengan itu dapatlah baginda merealisasikan harapan baginda sendiri dan harapan seluruh rakyat dan penduduk NBD untuk melihat negara ini menjadi sebuah negara yang maju, yang mantap lagi aman di bawah naungan dan pemeliharaan Allah," katanya.

Para jemaah seterusnya memohon, "Lanjutkan usia raja kami, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, kerabat baginda, para hadirin dan rakyat sekalian, di dalam iman dan takwa, sihat afiat, aman makmur lagi sejahtera.

"Ya Allah, kami bermohon, supaya dikekalkan segala nikmat, yang kami dan negara sedang nikmati: nikmat iman, nikmat Islam, nikmat perpaduan, nikmat hidup harmoni, nikmat kemakmuran dan keadilan di bawah payung Allah di bumi, raja yang soleh lagi beriman".

Sebelum meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja menyambut mesra dengan berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir. Sudah menjadi kelaziman juga, setiap Majlis Kesyukuran ini akan mengagihkan Buku Yaa Siin bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM setiap tahun.

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM pada tanggal 15 Julai merupakan Hari Cuti Kelepasan Awam di negara ini dan setentunya telah dirancang dengan acara-acara keraian seluruh daerah demi memeriahkan lagi Sambutan Hari Keputeraan raja yang kita kasihi. Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik, kekal karar memerintah negara di bawah inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Amin.*



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan ketika Doa Kesyukuran dibacakan.**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (kiri dan kanan).**





**SEKITAR Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79, Tahun 2025 (atas dan kiri).**

قليتا بروني
PELITA BRUNEI

# BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menerima mengadap Menteri Undang-Undang dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Kedua, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Edwin Tong dan isteri, Madam Au Huey Ling pada majlis yang berlangsung di Qashr Al-Meezaan, hari ini.

Turut hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menerima mengadap Menteri Undang-Undang dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Kedua, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Edwin Tong dan isteri, Madam Au Huey Ling.**

# DPMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie yang akan menamatkan perkhidmatan pada majlis yang berlangsung di Qashr Al-Meezaan, hari ini.

Puan Yang Terutama Ambra Dickie telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 20 Oktober 2022.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie yang akan menamatkan perkhidmatan.**

# Sesi Dialog tingkatkan keberkesanan perkhidmatan agama



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mempengerusikan Sesi Dialog KHEU bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada sesi berkenaan.**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS**, Isnin, 14 Julai. - Kondisi Sesi Dialog adalah berupa perbincangan terbuka mengenai hal ehwal agama. Bukan setakat Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) – Ministry of Religious Affairs tetapi adalah mengenai perkhidmatannya yang sudah diketahui meliputi banyak bidang yang sifatnya dan coraknya keagamaan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman seterusnya mengajak para pegawai, kakitangan KHEU untuk berbincang, bertukar-tukar fikiran, memberi buah fikiran, menghulurkan pandangan, mengemukakan cadangan.



"Itulah maksud dialog. Untuk kita berbincang dengan fikiran tenang, perkataan yang jelas. Kalau ada yang masih kusut, kita cuba huraikan. Kita cari solusinya (penyelesaian).

"Kalau solusinya lebih baik daripada apa yang telah dibuat atau terus-menerus diikuti sampai sekarang, maka insyaaAllah kami akan terima sekarang atau akan timbangkan untuk kajian dan penelitian lanjut," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mempengerusikan Sesi Dialog KHEU bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, pagi tadi.

Sesi diteruskan dengan taklimat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan ugama di bawah KHEU yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Antara yang hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, para Penghulu dan Ketua Kampung di Daerah Brunei dan Muara; pegawai-pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pembangunan komuniti; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta pemimpin-pemimpin belia dan wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang aktif dalam bidang sosial, dakwah dan pembangunan masyarakat.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan di bawah KHEU.

KHEU memainkan peranan penting dalam memperkukuh kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam (NBD). Selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan Wawasan Brunei 2035, KHEU berusaha memastikan perkhidmatan-perkhidmatan agama yang disampaikan adalah telus, relevan dan berkesan.

Bagi mencapai matlamat ini, Sesi Dialog KHEU bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan diadakan sebagai platform untuk bertukar pandangan, mengenal pasti cabaran dan merangka strategi penambahbaikan perkhidmatan agama.

Inisiatif ini juga adalah sebagai usaha pihak KHEU dalam mendukung agenda pembangunan negara melalui perkongsian pandangan antara pihak kerajaan dan masyarakat di negara ini.

Adalah diharapkan Sesi Dialog ini dapat memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara kerajaan dan masyarakat, memperkemas penyelarasan dasar serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan agama di peringkat akar umbi.

Sebagai kesinambungan kepada sesi hari ini, Sesi Dialog akan diteruskan ke daerah-daerah lain iaitu Daerah Tutong, Sesi Dialog akan diadakan pada Rabu, 16 Julai 2025 bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Bagi Daerah Temburong dijadualkan pada Selasa, 22 Julai 2025 bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong. Manakala bagi Daerah Belait, Sesi Dialog akan diadakan pada Sabtu, 26 Julai 2025 bertempat di Dewan Persidangan, Kuala Belait.

Sesi-sesi Dialog ini diharap akan menjadi wadah yang berkesan dalam memperkukuh komunikasi dua hala antara kerajaan dan masyarakat serta mendukung pembangunan agama secara menyeluruh, progresif dan mampan di NBD.

# Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun

## Daerah Belait





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran di Masjid Mohammad Jamalul Alam di Daerah Belait (kiri). Manakala gambar atas, sebahagian daripada jemaah yang hadir.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BELAIT,** Isnin, 14 Julai. - Masjid Mohammad Jamalul Alam menjadi salah satu tumpuan utama Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 di daerah ini.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith, yang diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Afiq Haririe bin Haji Muhammad Daud.

Manakala Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohd. Aliyani bin Ismail. Sementara Azan Maghrib dilaungkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (SkiPPA), Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Muhammad Nazhiim Mustaqim bin Zaini.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Belait.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam.

## Daerah Tutong

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**





**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu khas pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (atas dan kiri).**

**TUTONG**, Isnin, 14 Julai. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025, masyarakat Islam di seluruh negara tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama menzahirkan rasa syukur dan mendoakan kesejahteraan raja yang dikasihi.

Di Daerah Tutong, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena perayaan tersebut berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Hadir selaku tetamu khas, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang diketuai oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Manakala bacaan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Acara disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak yang diimamkan oleh Awang Mohammad Waiz.

Majlis berkenaan mencerminkan semangat kecintaan rakyat terhadap institusi raja dan kepimpinan baginda yang sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat serta kemajuan negara.

# Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun

## Daerah Temburong





YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu khas pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas dan kanan).

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TEMBURONG**, Isnin, 14 Julai. - Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan bagi Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 bagi Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu khas, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sunat Hajat telah diimamkan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Norezam bin Haji Zaini.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Manakala, Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Muhammad Syahmi.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar; dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Pemangku Penghulu Mukim Zon 1, dan Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong.

Majlis turut disertai oleh para pegawai dan kakitangan daripada setiap cawangan jabatan di Daerah Temburong, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Jemaah, persatuan-persatuan dan belia Daerah Temburong, Kumpulan Belia Masjid Temburong dan pasukan-pasukan beruniform.

# 641 PELAJAR BAHARU UTB MEMULAKAN MINGGU ORIENTASI

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Seramai 641 pelajar baharu diterima masuk ke Universiti Teknologi Brunei (UTB) bagi pengambilan Tahun Akademik 2025/2026.

Sehubungan dengan itu, UTB telah mengadakan Majlis Ucapan Naib Canselor bagi mengalu-alukan kedatangan pelajar baharu bertempat di Dewan Serba Guna, Fasa 3, UTB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah yang dipimpin oleh pelajar tahun kedua dalam program Kejuruteraan Mekanikal, Awang Muhammad Nur Eyman bin Mohammad Saifulrizal.

Diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar tahun kedua dalam program Kejuruteraan Kimia, Dayang Azimatul Atiqah binti Januddin, manakala terjemahan ayat-ayat tersebut disampaikan oleh pelajar tahun kedua program Sains Makanan dan Pemakanan Manusia, Dayang Nur Syahirah Najihah binti Mahmood.

Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dalam ucapan alu-aluannya mengucapkan tahniah kepada para pelajar baharu atas kejayaan mereka diterima masuk ke universiti.

Tambahnya, UTB menggalakkan mereka untuk menyahut cabaran pendidikan tinggi sebagai batu loncatan ke arah perkembangan diri dan akademik.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah turut mengetengahkan pencapaian terkini UTB dalam penarafan antarabangsa dan menegaskan semula misi universiti untuk melahirkan graduan yang bersedia menghadapi masa depan melalui kecemerlangan akademik, inovasi dan penglibatan komuniti.

"Kejayaan bukan bermaksud mengelak kegagalan, tetapi ia adalah tentang menempuhinya.

"Para pelajar tidak keseorangan dalam perjalanan ini dan sentiasalah ingat bahawa kejayaan awda menyumbang kepada kekuatan negara kita," ujarnya lagi.

Beliau turut menggalakkan para pelajar untuk memanfaatkan sepenuhnya pengalaman mereka di universiti dengan menetapkan matlamat yang jelas, menyertai aktiviti kampus secara aktif serta menghayati nilai-nilai patriotisme, perpaduan dan khidmat kepada komuniti.

Pelajar baharu sesi 2025/2026 kemudiannya melafazkan ikrar mereka di hadapan pegawai utama universiti, pensyarah dan kakitangan.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan tayangan multimedia dan bacaan Doa Selamat.

Ucapan Naib Canselor tersebut menandakan permulaan Minggu Orientasi UTB 2025, yang dijadualkan berlangsung dari 14 hingga 19 Julai 2025.

Minggu Orientasi tersebut dianjurkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar UTB (MPPUTB), dengan pelbagai aktiviti dirancang bagi membantu pelajar baharu menyesuaikan diri dengan kehidupan universiti, baik dari segi akademik mahupun sosial.

Sepanjang minggu tersebut, para pelajar akan mengikuti beberapa sesi taklimat yang dikendalikan oleh pejabat akademik dan pentadbiran UTB, berkenalan dengan wakil dari sekolah dan fakulti masing-masing, serta menyertai pelbagai ceramah motivasi, kaunseling, keagamaan dan kesedaran oleh penceramah jemputan.

Lawatan sekitar kampus dan aktiviti kesukarelawanan turut menjadi antara tarikan utama program tersebut.

Reruai Aktiviti Kokurikulum (Co-Curricular Activities - CCA) turut didirikan di kampus sebelum bermulanya Minggu Orientasi bagi memperkenalkan kepada pelajar pelbagai aktiviti, organisasi dan kelab yang ditawarkan di UTB.




NAIB Canselor UTB dalam ucapan alu-aluannya.



PELAJAR baharu sesi 2025/2026 melafazkan ikrar mereka di hadapan pegawai utama universiti, pensyarah dan kakitangan.



# Bolehkah Peminjam Menyewakan Barang Pinjaman?

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**ALLAH** Subhanahu wa Ta'ala memerintahkan hambaNya supaya saling tolong-menolong antara satu dengan yang lain dalam perkara kebajikan dan ketaqwaan sebagaimana firmanNya dalam surah al-Ma'idah :

**Tafsirnya** : *Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan.*

(Surah al-Ma'idah : 2)

Salah satu bentuk perbuatan tolong-menolong dalam perkara kebajikan dan ketaqwaan yang disyariatkan dalam Islam ialah meminjamkan barang kepada orang yang memerlukan.

Pada kebiasaannya, seseorang meminjam suatu barang untuk memenuhi hajat atau keperluannya sendiri sahaja dan akan memulangkannya kepada pemiliknya setelah peminjam selesai memenuhi hajat atau keperluannya. Sebagai contoh, seseorang yang mengalami kerosakan kereta meminjam kereta kawannya untuk kegunaan pergi ke tempat kerja dan urusan peribadi yang lain sepanjang tempoh keretanya diperbaiki di bengkel. Dia akan memulangkan semula kereta yang dipinjamnya itu kepada kawannya setelah keretanya siap diperbaiki. Dalam tempoh dia meminjam kereta tersebut, adakah boleh dia menyewakan kereta tersebut kepada orang lain?

Terdapat beberapa perkara yang berbangkit dalam perkara ini khususnya berkenaan dengan akad peminjaman (perihal meminjam atau meminjamkan) dan akad penyewaan.

### Akad Peminjaman

Peminjaman dalam kitab-kitab fiqh disebut عَارِيَة ('*ariyah*) atau عَارِيَّة ('*ariyyah*) atau إِعَارَة (*i'arah*). Definisi peminjaman dari segi syara' menurut para ulama asy-Syafi'iyyah *Rahimahumullah* ialah :

**Ertinya** : *Keharusan (untuk) memanfaatkan sesuatu yang halal diambil manfaat dengannya serta kekal 'ain (fizikal)nya.*

Maksud "keharusan (untuk) memanfaatkan" dalam definisi di atas ialah peminjam hanya diizinkan untuk memanfaatkan barang pinjaman. Sekalipun peminjam diizinkan untuk memanfaatkan barang yang dipinjamnya, tetapi dia tidak memiliki '*ain* (fizikal) dan dia juga tidak memiliki manfaat barang pinjaman tersebut.

Maksud "sesuatu yang halal diambil manfaat dengannya" pula ialah sesuatu yang dipinjamkan itu disyaratkan ia bukan sesuatu yang diharamkan. Sesuatu yang diharamkan mengambil manfaat daripadanya seperti gitar dan lain-lain alat muzik yang seumpamanya. Manakala maksud "serta kekal '*ain* (fizikal)nya" pula ialah '*ain* (fizikal) sesuatu yang dipinjamkan itu disyaratkan tidak susut apabila dimanfaatkan. Sesuatu yang susut apabila dimanfaatkan itu seperti sabun, lilin dan seumpamanya.

### Akad Penyewaan

Dalam kitab-kitab fiqh, penyewaan disebut sebagai إِجَارَة (*ijarah*). Definisi penyewaan dari segi syara' sebagaimana disebut oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj ialah :

**Ertinya** : *Akad terhadap suatu manfaat yang maqshudah yang tertentu (jelas) yang boleh dan harus diserah terima dengan tukaran yang tertentu.*

Maksud "suatu manfaat yang *maqshudah*" dalam definisi di atas ialah suatu manfaat yang disewakan itu disyaratkan ia bernilai.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin wa 'Umdah al-Muftin pula mendefinisikan penyewaan sebagai pemilikan suatu manfaat dengan tukaran.

Berdasarkan definisi-definisi penyewaan di atas, dapat difahami bahawa penyewaan merupakan suatu akad *mu'awadhah*, iaitu akad yang melibatkan pertukaran antara dua pihak. Masing-masing pihak memberikan sesuatu sebagai imbalan atas sesuatu yang diterimanya.

Bagi memastikan agar akad penyewaan sah, antara syarat yang mesti dipenuhi ialah hendaklah penyewaan manfaat itu ditentukan sama ada dalam bentuk masa atau perkhidmatan. Sekiranya penyewaan manfaat itu ditentukan dalam bentuk masa, maka disyaratkan untuk menentukan tempoh penyewaannya, sebagai contoh penyewaan tempat tinggal selama setahun. Sekiranya penyewaan manfaat itu ditentukan dalam bentuk perkhidmatan, maka disyaratkan agar akad tersebut sah supaya ditentukan apa bentuk perkhidmatannya, sebagai contoh menyewa kenderaan untuk pergi ke Makkah. Manakala jika manfaat itu melibatkan kedua-duanya iaitu masa dan juga perkhidmatan, maka disyaratkan untuk ditentukan salah satu sahaja antara keduanya. Sekiranya ditentukan kedua-duanya, maka tidak sah akad penyewaan tersebut.

Selain itu, antara syarat manfaat yang disewakan ialah ia mestilah mampu diserahkan kepada penyewa. Oleh kerana itu, antara syarat bagi orang yang menyewakan manfaat tersebut ialah dia mesti memiliki manfaat itu.

### Hak Peminjam Terhadap Barang Pinjaman

Sebagaimana penjelasan di atas, peminjam hanya diizinkan untuk memanfaatkan barang pinjaman dan dia tidak memiliki '*ain* (fizikal) mahupun manfaat barang pinjaman tersebut. Dalam erti kata lain, jenis pemilikan terhadap barang pinjaman bagi peminjam ialah pemilikan *intifa*' (ملك الانتفاع) semata-mata, bukan pemilikan '*ain* (ملك العين) dan bukan juga pemilikan manfaat (ملك المنفعة).

Dalam kitab al-Mu'amalat al-Maliyyah Ashalatan wa Mu'asharatan ada dijelaskan mengenai pemilikan *intifa*' ini dan perbezaannya dengan pemilikan manfaat. Pemilikan *intifa*' ialah suatu hak yang bersifat khusus yang dikuasai oleh pemilik hak (*intifa*') itu sendiri sahaja dan dia tidak boleh membenarkan orang lain selain dirinya untuk mendapat manfaat tersebut. Manakala pemilikan manfaat pula lebih umum dan lebih menyeluruh daripada pemilikan *intifa*' kerana pemilikan manfaat memberi pemiliknya (pemilik manfaat) hak untuk bertindak terhadap manfaat sepertimana para pemilik '*ain* (barang) bertindak terhadap barang-barang milik mereka. Pemilik manfaat juga berhak untuk menjadikan manfaat yang dimilikinya itu menjadi milik orang lain dengan menyewakan manfaat tersebut atau menghadiahkannya atau meminjamkannya.

### Hukum Menyewakan Barang Pinjaman

Sebagaimana penjelasan di atas, akad penyewaan berlaku terhadap manfaat. Dalam akad ini, pemilikan manfaat akan berpindah daripada orang yang menyewakan kepada penyewa, sama ada untuk suatu tempoh yang diketahui atau sehingga terhasil perkhidmatan tertentu. Oleh kerana dalam akad ini berlaku pemindahan milik manfaat daripada orang yang menyewakan kepada penyewa, maka antara syarat bagi orang yang menyewakan manfaat tersebut ialah dia mesti memiliki manfaat itu.

Dari sudut hak peminjam pula, dia tidak memiliki manfaat barang pinjamannya. Dia hanya memiliki hak untuk memanfaatkan barang pinjaman sahaja. Ini bermakna, pada dasarnya peminjam tidak mempunyai hak untuk menyewakan barang pinjaman kepada orang lain kerana dia tidak memiliki manfaat barang tersebut sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam as-Suyuthi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Asybah wa an-Nazha'ir :

**Ertinya** : *Dan setiap orang (yang) memiliki manfaat, maka baginya (hak untuk) menyewakan dan meminjamkan (manfaat tersebut). Dan sesiapa (yang) memiliki (hak) memanfaatkan, maka tiada baginya (hak untuk) menyewakan sama sekali dan tiada juga (hak) meminjamkan menurut pendapat al-ashah.*

Sekiranya seorang peminjam itu menyewakan juga kepada orang lain barang pinjamannya sedangkan manfaat barang pinjaman itu bukan miliknya, maka tidak sah akad penyewaan tersebut. Hal ini kerana *mu'awadhah* (saling tukar-menukar) dalam akad penyewaan tidak sah melainkan pada manfaat yang dimiliki sahaja. Perkara ini ada disebut oleh al-'Allamah al-'Imrani *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Bayan fi Mazhab al-Imam asy-Syafi'i, beliau berkata :

**Ertinya** : *Dan jika (seseorang) meminjam suatu barang untuk suatu tempoh, lalu peminjam itu menyewakannya (barang yang dipinjamnya itu dalam) tempoh tersebut, (maka) tidak sah penyewaan itu, kerana penyewaan (adalah akad) mu'awadhah (saling tukar-menukar). Justeru, tidak sah (penyewaan itu) melainkan pada apa yang dimilikinya, sedangkan peminjam itu tidak memiliki manfaat-manfaat (barang pinjamannya). Sesungguhnya ia (manfaat-manfaat barang pinjaman itu) adalah milik bagi pemilik barang.*

Walau bagaimanapun, jika peminjam telah mendapat izin daripada orang yang meminjamkan untuk dia menyewakan barang pinjaman tersebut untuk suatu tempoh yang tertentu, maka pada ketika itu, harus peminjam tersebut menyewakan barang pinjamannya dengan cara dan tempoh yang diizinkan. Hal ini dijelaskan oleh as-Syaikh al-Muthi'i *Rahimahullah* dalam *Takmilah* kitab al-Majmu', beliau berkata :

**Ertinya** : *Sesungguhnya peminjaman (adalah) keharusan (untuk mengambil) manfaat, maka tidak boleh dia (peminjam) mengizinkannya (manfaat tersebut) untuk orang lain, akan tetapi jika orang yang meminjamkan itu mengizinkannya (peminjam) untuk menyewakannya atau menggadainya atau meminjamkannya (kepada orang lain) untuk suatu tempoh tertentu (maka yang demikian itu adalah) harus, kerana hak itu milik pemiliknya, maka harus (melakukan) apa yang dia izinkan padanya.*

Demikian penjelasan mengenai hukum peminjam menyewakan barang pinjamannya.

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Kewajipan mentaati Ulil Amri

**KEWAJIPAN** mentaati raja atau Ulil Amri dalam Islam adalah perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan ia termasuk dalam dasar iktikad Ahli Sunnah Waljamaah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa', ayat 59 yang mafhumnya :

"*Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu*".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memerintahkan supaya orang Islam mendengar kata-kata ketua mereka, mengikut perintah ketua mereka, mentaati ketua mereka. Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu telah berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"*Hendaklah kamu dengar dan hendaklah kamu taat walaupun orang yang dilantik untuk menjadi ketua kamu itu seorang hamba Habsyi dan rambutnya seakan-akan anggur kering*".

Mentaati raja (Ulil Amri) itu adalah wajib, manakala menderhaka kepada raja pula hukumnya haram dan berdosa. Selaku rakyat dan penduduk di negara ini, sudah sepatutnya kita bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang bijaksana, pengasih dan pemedulian. Kita zahirkan kesyukuran itu dengan menumpahkan kasih dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda.

Adapun taat setia kepada raja itu termasuklah juga mematuhi dan menerima segala arahan kerajaan selagi arahan yang diberikan itu tidak bertentangan dengan hukum syarak. Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada 'Abdullah bin Omar Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"*Mendengar dan taat (kepada ketua) adalah menjadi kewajipan ke atas orang-orang Islam dalam apa jua perkara pun sama ada yang disukainya dan yang tidak disukainya selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka tidaklah boleh mendengar dan taat*".

Taat kepada pemerintah dalam konteks bernegara mempunyai pengertian yang amat luas. Ia bukan sahaja terhad kepada mematuhi segala perintah dan arahan yang diberikan secara lisan sahaja bahkan ketaatan yang dimaksudkan meliputi mentaati segala peraturan dan dasar negara, undang-undang dan fatwa-fatwa kerajaan mahupun peraturan-peraturan pejabat. Perkara ini telah diingatkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umat Islam supaya mentaati perintah ketua-ketua, tidaklah kira sama ada perintah itu disukai atau sebaliknya, asalkan perintah itu tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Apa yang penting dalam menghadapi situasi seperti ini, kita harus bersikap tenang, sabar dan jangan emosi apatah lagi derhaka terhadap perintah yang dipertanggungjawabkan. Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya :

"*Barang siapa yang benci terhadap sesuatu dari tindakan penguasanya maka hendaklah ia bertaubat kerana sesungguhnya orang yang meninggalkan raja (penguasanya) walaupun hanya sejengkal maka matinya seperti mati pada zaman jahiliah*".

Oleh itu, marilah kita menjadi hamba-hamba yang sentiasa taat dan patuh kepada Allah dan Rasul-Nya dan Ulil Amri (raja atau pemimpin) dan marilah kita berdoa semoga raja kita yang dikasihi akan terus - menerus memerintah negara ini dengan adil dan saksama di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Jadikanlah dan tanamkanlah pada diri kita sebenar-benar hamba yang sentiasa taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada Ulil Amri, semoga dengan ketaatan itu kita akan selamat di dunia dan di akhirat.

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤپاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَايَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرَبُ، وَتُقْضٰى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ، فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhuraikah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ
سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ
وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساغت بسر
## كڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# PENDAFTARAN KURSUS SENI KHAT REPUBLIK TURKIYE KINI DIBUKA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam dalam ucapan alu-aluannya.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Kursus Seni Khat Republik Turkiye (Khat Riq'ah) dan Seni Marmar Kertas Tradisional Republik Turkiye yang dikenali sebagai EBRU yang akan diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) kini dibukakan kepada orang awam untuk pendaftaran.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy dalam ucapan alu-aluannya semasa acara pembentangan dan demonstrasi interaktif Seni Khat Riq'ah dan Seni EBRU di BKISHHB, seterusnya menyatakan bahawa orang ramai kini boleh memohon untuk mengikuti kursus tersebut yang akan berjalan selama enam bulan dan tarikh tutup pendaftaran pada 31 Julai 2025.

"Dianjurkan oleh BKISHHB dan dikendalikan oleh Yunus Emre Institute dengan kerjasama Kedutaan Republik Turkiye, kursus yang akan bermula pada 4 Ogos 2025 tersebut memberi peluang kepada orang awam untuk mendalami lagi tradisi, seni dan budaya Republik Turkiye," ujar Tuan Yang Terutama lagi.

Sementara Pengarah Yunus Emre Institute di Brunei, Puan Lale Ersoy pula menjelaskan, khat mempunyai pelbagai gaya tetapi gaya Riq'ah adalah unik kerana ia bersifat seni serta berfungsi, memandangkan ia digunakan sebagai bentuk surat-menyurat rasmi di Istana Uthmaniyyah selama berabad-abad dan ini memberikan nilai yang tinggi kepada ahli sejarah dan penyelidik juga.

Puan Lale Ersoy seterusnya menambah EBRU, walaupun kelihatan sebagai seni semata-mata, sebenarnya berakar umbi dalam kerohanian yang mendalam dan diamalkan sebagai satu bentuk zikir oleh ramai penggiat seni.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada acara tersebut, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Acara dimulakan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Penyelidik Bahasa Arab Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), BKISHHB, Awang Muhammad Haziq Ariffin bin Haji Muskapah.

Juga hadir, Pemangku Pengarah BKISHHB, Pengiran Mohammad Jeffrynul Hafli bin Pengiran Haji Ali yang turut menyampaikan ucapan alu-aluan.

Acara kemudian diteruskan dengan demonstrasi Seni Khat Riq'ah dan Seni Marmar Kertas Tradisional Republik Turkiye oleh Puan Lale Ersoy, diikuti dengan demonstrasi khat oleh Pegawai Penyelidik Bahasa Arab SkiPPA, BKISHHB, Dayang Nurlina Shazlina binti Haji Ali.

Tahun lalu, Yunus Emre Institute dengan kerjasama Kedutaan Republik Turkiye telah menjalin aktiviti kolaboratif dengan beberapa institusi dalam bidang kerajaan dan akademik, termasuk menganjurkan kursus bahasa, aktiviti bercerita, tayangan filem dan juga menyiarkan rancangan masakan Republik Turkiye di penyiar rasmi negara, Radio Televisyen Brunei (RTB).



DEMONSTRASI Seni Khat Riq'ah dan Seni Marmar Kertas Tradisional Republik Turkiye.



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut.

Acara kebudayaan dan kulinari turut dianjurkan secara berkala oleh Yunus Emre Institute dengan kerjasama Kedutaan Republik Turkiye dan diumumkan kepada orang ramai melalui media sosial.






# Prihatin terhadap kebajikan anak-anak yatim



PENYERAHAN sumbangan tersebut disampaikan oleh Ketua EDPMMO-36, Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit kepada Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan Pembangunan Sosial), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Iswandy bin Ahmad.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan Ke-36

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. – Dalam usaha mencerminkan komitmen bagi menyokong kebajikan khususnya anak-anak yatim dan seterusnya meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab sosial dalam Perkhidmatan Awam, peserta Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan Ke-36 (EDPMMO-36) yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) telah menyumbangkan sebanyak BND900 kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA), hari ini.

Penyerahan sumbangan tersebut disampaikan oleh Ketua EDPMMO-36, Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit kepada Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan Pembangunan Sosial), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Iswandy bin Ahmad.

Sejajar dengan objektif Projek Khidmat Masyarakat (COP), sumbangan ini telah berjaya dikumpulkan secara sukarela dalam kalangan peserta sekali gus bagi sama-sama membantu dan terus berkhidmat untuk masyarakat.

Seramai 33 peserta telah menghadiri Sesi Perkongsian COP dari YSHHB untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai inisiatif kebajikan yang diketui oleh institusi tersebut.

Selepas sesi perkongsian tersebut, peserta program berkenaan akan meneruskan lagi Projek COP masing-masing dalam kumpulan kecil, di mana setiap kumpulan akan menangani isu-isu komuniti tertentu selaras dengan objektif yang lebih luas khususnya dalam menanai tanggungjawab sosial bersama.

# PENGURNIAAN BINTANG KEBESARAN SATU PENGIKTIRAFAN, TERUS BERBAKTI, MEMACU KECEMERLANGAN

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman**




**DR. Shaikh Haji Khalid bin Shaikh Haji Ahmad (kiri) dan Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah (kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Julai. - Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran yang dikurniakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 pada tahun ini akan dapat menyuntik semangat untuk terus maju dan cemerlang dalam bidang masing-masing.

Penerima-penerima Bintang-bintang Kebesaran juga melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan sekali gus merafakkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan bintang tersebut yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Dato Paduka Dr. Thirunavukkarasu Ganesan yang dikurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.), yang sudah berkhidmat selama 30 tahun di Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan kemudian di Gleneagles JPMC semasa ditemu bual Pelita Brunei menyatakan bahawa pengurniaan ini sangat bermakna dan merupakan satu penghormatan.

"Pengurniaan ini bukan sahaja satu anugerah namun ia juga adalah bagi mengingatkan saya untuk terus bekerja dengan ikhlas dan memberikan khidmat kepada para pesakit," tambah Dato Paduka Dr. Thirunavukkarasu Ganesan.

Manakala Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah juga penerima D.P.M.B. melahirkan rasa syukur yang tidak terhingga dalam merafakkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam.

Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini merupakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Diraja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara yang telah berkhidmat selama 26 tahun dengan pihak kerajaan menyatakan bahawa pengurniaan ini amat berharga dan akan terus menabur bakti kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerajaan baginda lebih-lebih lagi dalam sama-sama merealisasikan hasrat negara untuk menuju ke Wawasan Brunei 2035.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik bersama dengan warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat ingin merafakkan sembah ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79. Semoga Kebawah DYMM sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta dikurniakan afiat. Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik," ujar Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini.

Sementara itu, Dr. Shaikh Haji Khalid bin Shaikh Haji Ahmad menjelaskan bahawa pengurniaan ini adalah sebagai pembakar semangat dengan penuh rasa syukur dan rendah diri dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan anugerah Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B.).

Menurutnya lagi, pengurniaan ini sangat bererti untuk menjadi dorongan besar bagi terus berkhidmat dengan lebih tekun dan ikhlas kepada agama, bangsa dan negara, khususnya melalui amanah selaku Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Serikandi.

"Patik berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberkati pemerintahan Kebawah DYMM dengan taufik, hidayah serta kesihatan dan kekuatan yang berpanjangan. *Amin Ya Rabbal Alamin*," ujar beliau lagi.

Seterusnya, pengurniaan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B) kepada Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin yang sudah berkhidmat selama lebih 20 tahun menyatakan bahawa sepanjang perkhidmatannya telah banyak melalui beberapa penempatan kerja di agensi-agensi kerajaan.



**DATO Paduka Dr. Thirunavukkarasu Ganesan.**

Alhamdulillah dengan penempatan tersebut, beliau telah dapat membina rangkaian, menimba pengalaman dan pengetahuan bermakna yang banyak membantu beliau dalam menanai tanggungjawab dan mendokong apa pun dasar atau aspirasi kerajaan bagi kemajuan rakyat dan negara.

Dengan adanya pengurniaan bintang kerhormatan berkenaan, beliau merasa bersyukur dan sangat terharu. Pengurniaan ini juga merupakan penghormatan yang sangat besar kepada beliau, yang mana adalah juga satu pengiktirafan yang sangat bermakna kepada diri beliau serta keluarga, malah kepada warga kerja yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama. Ianya juga menyuntik perasaan rendah diri dan tanggungjawab yang lebih besar untuk berbakti.



**AWANG Ajman bin Haji Meludin.**

Menurutnya lagi, pengurniaan ini adalah satu anugerah yang memberi makna mendalam terhadap segala usaha dan pengorbanan sepanjang dalam tempoh perkhidmatan dengan kerajaan Kebawah DYMM. Ianya memberikan motivasi tambahan agar terus mengukuhkan komitmen memacu kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam serta memberikan sumbangan strategik ke arah merealisasi matlamat negara khususnya dalam mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Beliau kemudian menzahirkan ucapan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan bintang tersebut dan berikrar akan terus berkhidmat dengan penuh setia dan dedikasi demi kesejahteraan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

# Zahir rasa syukur terhadap raja yang dikasihi

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Julai. - Suasana meriah dan gembira jelas terlihat daripada para peserta perbarisan Istiadat Barisan Kehormatan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 dan juga para pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada dari dalam mahupun luar negara berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, pagi tadi.

Ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, Pesuruhjaya Antarabangsa Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Dayang Nasriah binti Awang Nasib merafakkan sembah ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Kehadapan Majlis baginda yang Ke-79.

"Semoga Allah sentiasa memelihara, memberi keafiatan, keselamatan dan melanjutkan usia Kebawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Daulat Kebawah Duli Tuan Patik," ujar beliau.

Sebagai rakyat baginda, beliau berharap dengan pelbagai kemudahan, teknologi serta infrastruktur selesa yang disediakan oleh kerajaan ini dapat memajukan dan membangunkan lagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Tambahnya lagi, kita harus bersama-sama bekerja keras dalam bidang serta kemahiran masing-masing dan memberi sumbangan yang berimpak kepada masyarakat secara umum, menggalas tanggungjawab sosial, bagi membantu merealisasikan perancangan dan hasrat pihak kerajaan.

"Dalam konteks persatuan yang terkait dengan pendidikan secara tidak formal, peluang serta sokongan yang diberikan dimanfaatkan ahli-ahli untuk sentiasa bergiat aktif dalam bermacam kegiatan dalam dan luar negara.




"Perkongsian pengalaman, tradisi dan perolehan ilmu serta kemahiran baharu, mendukung pembentukan insan berjiwa kebruneian yang berkebolehan dan berkualiti tinggi siap siaga bersaing di dunia luar selaras seruan kerajaan baginda," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Kawalan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad Hafizuddin bin Mohammad Saidin yang juga selaku Pengerusi Pasukan Pengakap Kelana Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pula merafakkan sembah ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-79 Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan semoga baginda diberikan kesihatan yang berpanjangan, dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah negara yang tercinta.

Tambahnya, kecintaan rakyat tidak bertepi, menyatu dalam doa dan harapan agar baginda sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala, diberikan ilham yang adil serta kesihatan yang berterusan untuk menerajui pemerintahan negara ini dengan bijaksana dan berwawasan.

**PESURUHJAYA Antarabangsa Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Dayang Nasriah binti Awang Nasib dan Ketua Kawalan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad Hafizuddin bin Mohammad Saidin (kiri dan kanan).**



**RUSNEE dan Mohammad Haji Hamzah, sepasang suami isteri dari Thailand.**

Menyentuh mengenai harapan, beliau berkata agar seluruh rakyat di NBD terus menjunjung tinggi nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB), memperkukuh perpaduan dan menyokong Wawasan Brunei 2035 demi melahirkan generasi berilmu dan berkemahiran tinggi.

Di samping itu kongsinya, dalam usaha membangunkan negara, rakyat dan orang ramai diharapkan dapat menyumbang secara aktif dalam kepelbagaian ekonomi, inovasi dan kelestarian alam sekitar, sambil memelihara keharmonian sosial dan kerohanian.

"Kesediaan menerima perubahan, memperkasakan ilmu, gigih dan bersatu dalam meninggikan martabat negara serta menjiwai hasrat murni pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan kunci untuk memajukan NBD yang gemilang dan berkat," jelasnya lagi.

Bagi sepasang suami isteri dari Thailand, Rusnee dan Mohammad Haji Hamzah merasa gembira kerana dapat menghadiri Istiadat Barisan Kehormatan tersebut sekali gus berpeluang menyaksikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja yang lain dengan lebih dekat.

Pada kesempatan ini, pasangan suami isteri ini ingin merafakkan sembah ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-79 Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan seterusnya berdoa agar baginda dan kerabat diraja diberikan afiat kesihatan yang berpanjangan.

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK



SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN

Ke - 79 Tahun

Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

Disembahkan dengan Tulus Ikhlas
daripada Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

جابتن ڤردان منتري
JABATAN PERDANA MENTERI
BRUNEI DARUSSALAM

# دولت كباوه دولي توان ڤاتيق

*Daulat Kebawah Duli Tuan Patik*

*Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan*
*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda*
*Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah*
*ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,*
*Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

*Ke-*
# *79*
*Tahun*

*Hari Selasa, 19 Muharram 1447H bersamaan 15 Julai 2025M*

Ya Allah, Lanjutkan Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Kekal Qarar Memerintah Negara

Tulus Ikhlas Disembahkan Daripada

Kementerian Pertahanan
Negara Brunei Darussalam





دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
SEMPENA MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE 79 TAHUN
Sembah Ucapan Tulus Ikhlas Daripada
كمنترين كواڠن دان ايكونومي
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
Website www.mofe.gov.bn
Instagram @mofebrunei
Facebook Ministry of Finance and Economy Brunei Darussalam


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Ke-79 Tahun
19 Muharram 1447H / 15 Julai 2025M
"Ya Allah, lanjutkanlah usia Kebawah Duli Tuan Patik dan kekal qarar di atas takhta singgahsana"
Disembahkan daripada
كمنترين حال احوال لوار نݢري
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI



دولت كباوه دولي توان ڤاتيق

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK

**Sempena Menyambut Ulang Tahun**
**Hari Keputeraan**
**Kebawah Duli Yang Maha Mulia**
**Paduka Seri Baginda Sultan**
**Haji Hassanal Bolkiah**
**Mu'izzaddin Waddaulah ibni**
**Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali**
**Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,**
**Sultan dan Yang Di-Pertuan**
**Negara Brunei Darussalam**

Ke -79 Tahun

**Dengan Iringan Doa**
**Semoga Allah Lanjutkan Usia**
**Kebawah Duli Tuan Patik,**
**Kekal Qarar Memerintah dengan**
**'Inayah serta Perlindungan Allah,**
**Sihat 'Afiat dan Bahagia**

كمنترين حال احوال اݢام
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2382525 \ 2382301 \ 2382302 WWW.MORA.GOV.BN KHEU.BRUNEI


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Ke 79 Tahun
"Ya Allah, lanjutkanlah usia Kebawah Duli Tuan Patik dan kekal qarar di atas takhta singgahsana"
كمنترين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH


دولت کباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
Merafa' Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan
ke 79 Tahun
19hb., Muharram 1447 | 15hb., Julai 2025
"Ya Allah, Lanjutkanlah Usia Baginda dalam Keafiatan dan Kekal Qarar Memerintah Negara"
Disembahkan dengan tulus ikhlas daripada
کمنترين هال احوال دالم نکري
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
www.moha.gov.bn
info@moha.gov.bn
+673-2223225
mohabrunei


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
Sempena Menyambut
Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Ke-79 Tahun
19 Muharram 1447H | 15 Julai 2025M
"Ya Allah, Lanjutkanlah usia
Kebawah Duli Tuan Patik
dan Kekal Qarar Memerintah Negara"
Tulus ikhlas disembahkan daripada:
كمنترين سومبر٢ اوتام دان ڤلنچوڠن
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
www.mprt.gov.bn
mprt_brunei
2382136
Ministry of Primary Resources and Tourism


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH
DULI TUAN PATIK
MERAIKAN HARI KEPUTERAAN BAGINDA YANG KE-
79
"Ya Allah, Lanjutkanlah Usia Kebawah Duli Tuan Patik
dan Kekal Qarar di Atas Takhta Singgahsana"
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun
Pada Hari Selasa, 19 Muharram 1447 Hijrah bersamaan 15 Julai 2025 Masihi
Sembah Ucapan Daripada
كمنترين ڤمباڠونن
MINISTRY OF DEVELOPMENT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق

# Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

## *Sembah Tahniah*

*Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan*
*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda*
*Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah*
*ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali*
*Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,*
*Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

*Ke-* **79** *Tahun*

19 Muharam 1447 | 15 Julai 2025



*Ya Allah, Lanjutkanlah Usia*
*Kebawah Duli Yang Maha Mulia*
*Paduka Seri Baginda Sultan*
*dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*
*Kekal Qarar Memerintah Negara*

Tulus Ikhlas
Disembahkan Daripada

كمنترين ڤنديديقن
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

www.moe.gov.bn | feedback@moe.gov.bn | 2381301 | Ministry of Education Brunei Darussalam | moe_brunei | MOEducation_BRN


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
SEMPENA MENYAMBUT
ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE 79 TAHUN
19 MUHARRAM 1447H | 15 JULAI 2025M
SEMBAH TAHNIAH DARIPADA
SELURUH WARGA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BRUNEI DARUSSALAM
كمنترين ڤڠڠكوتن دان اينفوكومونيكاسي
MTIC
MINISTRY OF TRANSPORT AND INFOCOMMUNICATIONS


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
79
19 Muharram 1447H
15 Julai 2025M
"Ya Allah, Lanjutkanlah Usia Baginda
dan Kekal Qarar Memerintah Negara
dengan Inayah serta Perlindungan Allah"
Tulus Ikhlas disembahkan daripada
كمنترين كبودايا ءن، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
www.kkbs.gov.bn
kkbs_brunei
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
kkbs_brunei


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
Sempena Sambutan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Ke-
79
Tahun
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
www.information.gov.bn
www.pelitabrunei.gov.bn | www.infofoto.gov.bn
InfoDeptBN
Jabatan Penerangan Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn
Pelita Brunei
pelitabrunei
pelitabrunei

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V Sahaja

**Kategori:**
KA01 & M03

**Tarikh Tutup:**
26 Ogos 2025, Selasa.
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DBSKB / 007 / 2025 - Retender

**Nama Projek:**
Pengaliran Air-Membina Stesen Pam Di Saluran Keluar (Outfalls), Jalan Maulana, Kuala Belait (Design And Build) - Retender

**No. Projek:**
DDS 1215-013 / ADBT - 01

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV atau V

**Kategori:**
E01 & E02

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
29 Julai 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup:**
12 Ogos 2025. (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BP / 25 / 2025

**Nama Projek:**
Membekal Dan Memasang Lampu 'High Bay' Bagi Venue Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Kali Ke 14, 2025 Brunei Darussalam, Dewan Kompleks Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong

**Yuran Tawaran :**
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
IV, V & VI

**Kategori:**
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
29 Julai 2025.

**Yuran Tawaran:**
BND5000.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 18 / BKTKS / 2025-T / V

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaikpulih Tanah Susur Di Jalan Keluar Padang Tembak PPDB Sg Akar, Jalan Utama Mentiri

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 12 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 10

**Tajuk Tawaran:**
To Provide Accommodation Services For The Second Meeting Of The 21st Session Of The Legislative Council For Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Brunei Darussalam

**Tarikh Tawaran Dibukakan:**
8 Julai 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
22 Julai 2025.

**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**Lanjutan Tarikh Tutup**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / LTK / 2025-2026 / 2

**Tajuk Tawaran:**
Consultancy Services : Development And Implementation Of Hotel Star Ratings Standard For Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Keterangan Projek:**
Three (3) Years Term Contract For Grass Cutting & Desilting And Cleaning Concrete Drains At Kuala Belait & Seria Municipal Area

Dibukakan kepada pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran:**
BBS / TOC / GCDCCD(2) / 2025 – 2028

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 29 Julai 2025.

**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Tajuk Sebut Harga:**
JPH / 002 / SH / 2547 / 2025-2026
Tender To Bid For Extraction of Forest Produce Within Area Destined In Tutong District (At Designated Areas At Kawasan Loji Rawatan Air Bukit Barun Daerah Tutong)

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang Sebut Harga:**
BND5.00 -Tidak Dikembalikan-

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
24 Julai 2025, Khamis.
2.00 Petang.

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

**UNISSA / SB0043 / 2025 / 2026**
Perkhidmatan Penggambaran Dan Fotografi Graduan Pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-15 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0045 / 2025 / 2026**
Membekal Dan Menghantar Perabot Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu.
30 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
16 Julai 2025.
Rabu.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
12 Ogos 2025.
Selasa.

**Tarikh Tutup Pada:**
21 Oktober 2025.
Selasa,
Sebelum Jam 2.00 Petang.

**JASTRE / BKP / RFP / 01/ 2025**
Invest, Design, Develop And Operate Waste To Energy Facility In Brunei Darussalam.

**No. Projek:**
JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Non Refundable)

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
To Supply And Repair Of Components At Sweeper Truck BG 4903, Department Of Civil Aviation.
AME / 2025-2026 / SH-40

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
To Repair Rear Bucket For Pick Up BG 8842,Department Of Civil Aviation
AME / 2025-2026 / SH-41

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
General Servicing For Aircraft Recovery Equipment (ARE)
AME / 2025-2026 / SH-42

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
16 Julai 2025.
Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
5 Ogos 2025.
Selasa.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
6 Ogos 2025.
Rabu.

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA PELANCONGAN**

Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam :-

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang, pada Khamis, 7 Ogos 2025.**

**Borang Sebut Harga:**
BND7.00

**JPt / SH / 37 / 2025-2026:**
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Bangunan Bengkel Wasan Dan Stor, Banglo Wasan (Pejabat), Barek Blok 'G' Dan Jalan Masuk, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

**JPt / SH / 38 / 2025-2026:**
Perkhidmatan Mengangkat Dan Membuang Sampah Bagi Bangunan-Bangunan Dan Stesen-Stesen Di Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan Selama Tiga (03) Tahun

**JPt / SH / 39 / 2025-2026:**
Pump Operation Services At Imang Dam Irrigation Station, Kg Panchor Murai, Brunei Muara District For One (1) Year

**JPt / SH / 40 / 2025-2026:**
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Ke Atas Paip-Paip Utama Dan Pembahagian Pengairan Di Kawasan Kemajuan Pertanian Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**JPt / SH / 41 / 2025-2026:**
Drafting Services For Preparation Of Standard Design And Build Tender Documentation Of Infrastructure Works

**JPt / SH / 42 / 2025-2026:**
Supply, Installation And Replacement Of Fencing At Unit Penyelidikan Padi Wasan Office, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Brunei Muara District

**JPt / SH / 43 / 2025-2026:**
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Pejabat, Perumahan Dan Jalan Ladang KKP Tungku, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

**JPt / SH / 44 / 2025-2026:**
Melaksanakan Penyelenggaraan Peralatan Bagi Makmal Veterinar

**JPt / SH / 45 / 2025-2026:**
Supply And Delivery Of Standards For Multi-Mycotoxin Determination Using HPLC In Nutrition & Toxicology Laboratory

**JPt / SH / 46 / 2025-2026:**
Supply, Delivery, Install And Test Veterinary Chemistry Analyser At VLS Terunjing.

**JPt / SH / 47 / 2025-2026:**
Supply, Delivery And Installation Of Purified Gases Refill For Veterinary Laboratory Services For One Year.

**JPt / SH / 48 / 2025-2026:**
Supply, Delivery Of Laboratory Freezers And Ice Maker Machine For Veterinary Services.

---

**JABATAN DAERAH TUTONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)**
**Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)**
**Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)**

**bagi**

**Daerah Tutong**

**Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong Kampung Merimbun, Mukim Rambai Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Ketua-Ketua Kampung.**

Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Tutong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 16 Ogos 2025 jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+6734222491 Ext. 110 / 111** atau alamat E-mel kepada ***imk.jdt@tutong.gov.bn***

**Jawatan Kosong Sebagai Penghulu Mukim Tingkat III - PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)**

**Bagi**

**Daerah Tutong**

**Mukim Rambai**

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai **Penghulu Mukim Rambai, Daerah Tutong.**

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Bahagian Institusi Mukim dan Kampung**
**Jabatan Daerah Tutong**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 16 Ogos 2025, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+673 4222491 Ext. 110 / 111** atau alamat E-mel kepada ***imk.jdt@tutong.gov.bn***

---

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Pemberitahuan Tawaran: Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
EGNC / PM / 4.1 / 3.2024
The Design, Supply, Development, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Training and Commissioning of the Enterprise Content Management (ECM) System Namely Sistem Pengurusan Rekod (SPeRe)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
22 Julai 2025.

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada “Architect Consultancy” Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 05 / 2025

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) for Architect Consultancy Services for “Pembinaan UBD Innovation Hub”

**Dibukakan Kepada “Civil And Structural Engineering Consultancy” Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 06 / 2025

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) for Civil and Structural Engineering Consultancy Services for “Pembinaan UBD Innovation Hub”

**Dibukakan Kepada “Mechanical and Electrical” Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 07 / 2025

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) Mechanical and Electrical Engineering Consultancy Services for “Pembinaan UBD Innovation Hub”

**Dibukakan Kepada “Quantity Surveying Consultancy” Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Tawaran:**
JKR / RFQ / DOD / 08 / 2025

**Nama Projek:**
Request for Quotation (RFQ) Quantity Surveying Consultancy Services for “Pembinaan UBD Innovation Hub”

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 22 Julai 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 8 Ogos 2025.

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
B01 / KPB02

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM020 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / JAIN.01

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikan Kalis Air Pada Laluan Beratap Di Kawasan Lapau

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Kelas:**
III & IV Sahaja

**Kategori:**
S02

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM021 / 2025

**Bil. Projek**
JKR / DBS / IMU02 / 2025

**Nama Projek:**
Perkhidmatan Janitori Selama 52 Minggu Di Projek Jalan Tutong, Jalan Permaisuara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Kelas:**
-

**Kategori :**
P06

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM022 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / JKR.04

**Nama Projek:**
Pengangkutan Alat-Alat Perabot Dan Menyusun Ke Tempat Yang Khas Bagi Rumah Pangsa / Barek Dan Banglo Kerajaan Bagi Kawasan Brunei / Muara, Tutong Dan Temburong Bagi Tempoh (18) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
22 Julai 2025

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
5 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2025 / MAB / TA / 05
Supply Leasedline, Integrated Services Digital Network Primary Rate Interface (ISDN PRI), Internet Broadband, Directline / Fixedline

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / MAB / TA / 06
Pembelian Membaharui Lesen Bagi Perisian Bagi Forticare Bagi Fortigate (3 Years License Renewal)

**Yuran Tawaran:**
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 22 Julai 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
29 Julai 2025.
2.00 Petang.

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
To Supply And Installation Of Tires For Fire Trucks BG 3377 (F9) Department Of Civil Aviation
**AME / 2025-2026 / SH-38**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
To Supply And Installation Of Tires For Fire Trucks BG 7887 (F.4), Department Of Civil Aviation
**AME / 2025-2026 / SH-39**

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Rabu,
2 Julai 2025.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
22 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
23 Julai 2025.

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

**Tajuk Tawaran:**
Supply and Delivery (Testing) of New Spares for Precision Air Conditioner, Department of Civil Aviation

**Bilangan Sebut Harga:**
ATELS / 2025 / SH-26

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
16 Julai 2025,
Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
29 Julai 2025.
Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
30 Julai 2025.
Rabu.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

---

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tajuk Tawaran:**
General Overhaul Mitsubishi Pajero BG 7990
JBP / TSH / 13 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Repair For 2 Units 150HP Mercury Sea Pro Outboard Engine
JBP / TSH / 14 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Repair Brake System And Suspension System For Mercedes ATEGO BG 5125
JBP / TSH / 15 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Repair Air System And Suspension System For Mercedes ATEGO BG 5124
JBP / TSH / 16 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Repair Brake And Air System For Mercedes Atego BG 4295
JBP / TSH / 17 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Repair Of Volvo FL.7 BG 3658
JBP / TSH / 18 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Pemakanan Basah Bagi Keanggotaan Jabatan Bomba Dan Penyelamat
JBP / TSH / 19 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Pemakanan Bagi Kursus / Latihan / Bengkel / Taklimat
JBP / TSH / 20 / 2025-2026

**Tarikh Tutup / Jam:**
Khamis, 24 Julai 2025.
1.50 Petang.

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

---

**JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Menyertai Request For Information (RFI)**

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri berhasrat untuk memacu usaha tenaga mampan melalui pelaksanaan tenaga yang boleh diperbaharui dalam mempelbagaikan campuran tenaga Negara.
Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (DOEPMO) ingin menjemput syarikat yang layak untuk mengemukakan maklumat mengenai **pelaksanaan sistem fotovoltaik solar di atas bumbung bangunan serta garaj kereta yang bersambung ke grid bagi bangunan-bangunan kerajaan di Negara Brunei Darussalam.**

Maklumat lanjut mengenai Skop Tawaran, Kriteria Kelayakan dan Keperluan bolehlah diperoleh melalui laman sesawang rasmi Jabatan Tenaga iaitu:
***https://www.energy.gov.bn***

Tarikh tutup tawaran adalah pada **Selasa, 29 Julai 2025, 2.00 Petang.**

**Tatacara Pendaftaran**

Syarikat yang berminat hendaklah mendaftar dengan menghantar e-mel kepada Unit Tenaga Yang Boleh Diperbaharui di bawah Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga iaitu ***renewable.energy@energy.gov.bn*** dengan tajuk e-mel:

**Grid-Connected Solar Photovoltaics System At Rooftop And Associated Carports Of Government Buildings In Brunei Darussalam**

Syarikat yang berminat adalah disarankan untuk merujuk kepada syarat-syarat RFI yang terdapat di laman sesawang rasmi Jabatan sebelum membuat pendaftaran.

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
08 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**
Quotation For Supply And Deliver Of Dehumidifiers At Royal Regalia Museum

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
24 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / SB0044 / 2025 / 2026 –**
Repair Works At Hostel Building For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu,
30 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**RBPF / TPROC / RC / 001 / 2025-QM**
Tawaran Bagi Perkhidmatan "The Leasing Of Photocopiers Complete With Sorter Inclusive Supply Of Paper For A Period Of 4 Years Contract"
For Royal Brunei Police Force

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tajuk Tawaran :**
Technical Maintenance Of Protection Relays For 66KV Networks Statewide Over A Period Of Three Years

**Bil. Tawaran:**
JPE / LTK / PDP / 001 / 2025

**Tarikh Tutup:**
22 Julai 2025.
2.00 Petang.

**Tempat Tutup:**
Tender Box

---

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / TL / 001 [JPPK/LTK/12/2025]
Demolition Works To Two (2) Buildings 'FG' Flat (Block C & D) At Jalan Padang Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) Muara, Ministry Of Defence

**Tarikh Mula Tawaran:**
14 Julai 2025.

**Kelas:**
II dan ke Atas

**Kategori:**
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Sepuluh (10) Minggu

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada Selasa,
29 Julai 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
2.00 Petang, 5 Ogos 2025.
(Selasa)

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / TU / 002 [JPPK/LTN/02/2025]
Proposed 11kv Primary Substation For Royal Brunei Air Force Base, Rimba

**Tarikh Mula Tawaran:**
14 Julai 2025.

**Kelas:**
V dan ke Atas

**Kategori:**
E02, B01 dan P05

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Sembilan (09) Bulan

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada Jumaat,
15 Ogos 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
2.00 Petang,
19 Ogos 2025.
(Selasa)

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Pusat Pekerjaan Brunei Jabatan Perdana Menteri**

**1. Bilangan Tawaran:**
PPB / QTN / AAU / 2025 / 02

**Tajuk Tawaran:**
Tawaran bagi Cleaning Service for 12 Months Term Contract at Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

**2. Bilangan Tawaran:**
PPB / QTN / AAU / 2025 / 03

**Tajuk Tawaran:**
Tawaran bagi Air Conditioner Maintenance for 24 Months Term Contract at Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
23 Julai 2025.
2.00 Petang.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Dibukakan Kepada Kontraktor Kelas IV & V Dan Kategori B01**

**1. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 001 / 2025**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Religious Schools In Tutong District And Belait District, Negara Brunei Darussalam.

**2. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 002 / 2025**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Religious Schools In Zone IV Within Brunei Muara District And Temburong District, Negara Brunei Darussalam.

**3. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 003 / 2025**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Religious Schools In Zone III And Zone IIA Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam

**4. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 004 / 2025**
Three (3) Years Term Contract For Coprehensive Maintenance Of Religious Schools In Zone I And Zone IIB Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam

**5. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 005 / 2025**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong & Sekolah Arab Belait, Negara Brunei Darussalam.

**6. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 006 / 2025**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STA HB) And Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD), Negara Brunei Darussalam

**7. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 007 / 2025**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kg Rimba, Negara Brunei Darussalam.

**8. BIL.: KHEU / BDP / LTK / 008 / 2025**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kg Katok, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Tawaran:**
11 Jun 2025.

**Tarikh dan Jam Tutup Mengambil Dokumen Tawaran:**
22 Julai 2025 (2.00 Petang) - dilanjutkan

**Tarikh Tutup Tawaran:**
29 Julai 2025 (2.00 Petang) – dilanjutkan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam**

**Kelas:**
IV & V

**Kategori:**
Terbuka

**Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada :**
Sabtu, 5 Julai 2025.

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Bil. Tawaran:**
KHEDN / LTK / 2025-05

**Tajuk Projek:**
Request For Quotation (RFQ) For Proposed Supply, Installation And Maintenance Of Outdoor Led Screen At Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

**Bilangan Projek:**
KHEDN / BPE / 2105 / 02

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

eLektrik

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Tajuk Tawaran:**
Provision of Manpower for: Discipline Maintenance Specialist for The Department For Electrical Services

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / MMD / 048 / 2025

**Tarikh Tutup:**
22 Julai 2025. (Selasa)

**Harga Tawaran:**
(Tidak dikembalikan)
BND500.00

كمنترين كبوداياءن، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

اينديكس ڤمباڠونن سوكن
نݢارا بروني دارالسلام

## Indeks Pembangunan Sukan Negara Brunei Darussalam

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempelawa rakan penyelidik yang berkelayakan untuk menjalankan Kajian Indeks Pembangunan Sukan (Sports Development Index - SDI) yang pertama. Penilaian menyeluruh ini akan menjadi penanda aras kepada ekosistem sukan negara merangkumi 7 domain utama: Penyertaan, Infrastruktur, Pendidikan, Ekonomi, Sumber Manusia, Dasar/Tadbir Urus, dan Prestasi Sukan, dengan pengumpulan data melalui tinjauan ke atas lebih 4,000 rakyat di seluruh negara. Projek ini dijadualkan berlangsung dari Ogos 2025 hingga 2026, bertujuan untuk menilai keberkesanan Dasar Sukan Kebangsaan, menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, serta membentuk kerangka berasaskan data untuk pelaburan sukan masa depan.

Hasil utama kajian termasuk Laporan SDI dalam 2 bahasa (Melayu dan Inggeris), pangkalan data menyeluruh, dan penyelarasan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Kertas cadangan yang dihadapkan mestilah menunjukkan kepakaran dalam metodologi SDI dan pembangunan kapasiti.

Pihak yang berminat: Sila hubungi
Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS.
E-mel kepada: bpbs@kkbs.gov.bn

**Imbas**
untuk maklumat lanjut

Tarikh Mula: **10 Julai 2025**
Tarikh Tutup: **10 Ogos 2025**

**Tidak lewat pukul 2 petang**

**Dokumen untuk dihantar kepada:**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Tingkat 1**
**Pintu Utama**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan**
**Bandar Seri Begawan BA8110**
**Negara Brunei Darussalam**

# MEMPERKUKUHKAN KEFAHAMAN, SEMANGAT PENDAKWAH MUDA




PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir bagi sesi keempat untuk Akademi Da'wah 5.0, Bicara Bermanfaat dan bergambar ramai bersama para peserta.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**PULAIE**, Isnin, 14 Julai. - Sesi keempat diteruskan lagi dengan Bicara Bermanfaat bersama Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, yang membawa mesej mendalam berkenaan tanggungjawab dakwah dalam konteks semasa.

Kehadiran beliau bukan sahaja membakar semangat para peserta, malah memberi suntikan ilmu dan wawasan yang bernilai tinggi.

Sesi ini turut memberi peluang kepada beliau untuk menyampaikan inspirasi, berkongsi pengalaman peribadi dan memberikan galakan kepada para peserta agar terus teguh menyebarkan risalah Islam dengan penuh hikmah, sabar dan ketekunan.

Para peserta diberikan ruang untuk berdialog secara langsung, menjadikan sesi tersebut lebih interaktif dan bermakna.

Sebelum itu, sesi pagi peserta dimulakan dengan Sesi Sobahulkheir Da'ie, sebuah pengisian santai tetapi bermakna yang menghimpunkan peserta dalam suasana rohani penuh keinsafan.

Sesi ini bertujuan menyegarkan kembali niat dan memperkukuhkan kefahaman terhadap matlamat dakwah, di samping meniupkan semangat perjuangan dalam jiwa seorang pendakwah muda.

Peserta diberi ruang untuk berkongsi suara hati, menzahirkan harapan serta membina azam agar kekal istiqamah dalam menyampaikan mesej Islam dengan jujur dan berkesan.

Program diteruskan dengan sesi Maklum Balas & Curhatan Dalam Kumpulan, yang menjadi wadah kepada para peserta meluahkan perasaan, berkongsi pengalaman serta memberikan cadangan membina terhadap perjalanan Akademi Da'wah 5.0.

Perkongsian dalam kumpulan kecil ini membuktikan keberkesanan pendekatan program yang bukan sahaja memberi pengisian intelektual, malah menyentuh aspek emosi dan spiritual.

Sebagai penutup, sesi ke-4 ini berjaya mencapai objektif utamanya dalam memperkukuhkan kefahaman dan semangat dakwah para peserta.

Melalui gabungan pengisian rohani, perkongsian ilmu dan dialog interaktif, para peserta bukan sahaja dididik dari segi intelektual, malah turut dibina dari segi jiwa dan akhlak.

Harapan besar diletakkan agar setiap individu yang terlibat dapat membawa pulang nilai-nilai positif ini, sekali gus menjadi agen perubahan yang mampu menyebarkan cahaya Islam dengan penuh hikmah dan keikhlasan.

Dengan berakhirnya sesi ini, Akademi Da'wah 5.0 semakin meneguhkan peranannya sebagai platform yang holistik dalam melahirkan pendakwah yang berkualiti dan berwibawa.

Semoga segala usaha dan pengorbanan yang dicurahkan akan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi amal jariah yang berpanjangan.

InsyaaAllah, setiap langkah yang diambil ini akan membuka lebih banyak pintu keberkatan untuk umat dan negara.

# Pemakluman mengenai Perintah Kanun Tanah (Pindaan), 2025

**Siaran Akhbar : Kementerian Pembangunan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 15 Julai. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pembangunan dengan ini memaklumkan mengenai Perintah Kanun Tanah (Pindaan), 2025 [Land Code (Amendment) Order 'LCAO' 2025] untuk mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2025 yang akan menambah baik dan memudahkan proses pemilikan tanah bagi rakyat dan beberapa kategori penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk mereka yang berstatus *stateless*.

Pindaan ini antara lain membolehkan Penduduk Tetap Tanpa Kewarganegaraan (golongan *stateless*) untuk memiliki satu lot tanah berpegangan kekal bagi tujuan rumah kediaman sama ada melalui pindah milik, pembelian atau pengambil-alihan tanah.

Manakala, pegangan kepentingan tanah kekal selainnya hanya dibolehkan secara pajakan di mana tempoh pajakan adalah menurut garis pandu yang dikeluarkan oleh Menteri Pembangunan di bawah Seksyen 3F Kanun Tanah.

Selain itu, LCAO 2025 juga memperuntukkan pegangan tanah bagi Orang Bukan Rakyat Brunei (OBRB) dan diringkaskan seperti berikut iaitu Seksyen 3A memperuntukkan bagi OBRB untuk memegang kepentingan tanah di NBD melalui gadaian, pajakan dan anak-pajakan sahaja, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan kebenaran pihak berkuasa.

Sementara Seksyen 3B memperuntukkan bagi OBRB yang memegang kepentingan tanah berpegangan kekal melalui penggunaan Surat Kuasa (Power of Attorney), Surat Ikatan Amanah (Trust Deed) atau dokumen lain yang diperakui, adalah dikehendaki untuk mengisytiharkan kepentingan mereka kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Tanah.

Setelah mendapat kebenaran, tanah berpegangan kekal akan ditukar kepada pegangan pajakan mengikut tempoh yang ditetapkan sepertimana Seksyen 3F. Pengisytiharan ini juga hendaklah dibuat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Perintah ini dikuatkuasakan.

Jika tidak diisytiharkan dalam tempoh tersebut makanya mana-mana tuntutan atau kepentingan tanah adalah terbatal dan tidak sah. Akibatnya, dokumen hak milik tanah akan kekal berdaftar atas nama pemilik tanah asal.

Bagi Seksyen 3C membenarkan OBRB mewarisi tanah berpegangan kekal. Walau bagaimanapun, tuntutan hendaklah dihadapkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kematian pemilik tanah.

Di samping itu, tanah berpegangan kekal berkenaan mesti dijual kepada rakyat Brunei dalam tempoh 10 tahun dari tarikh kematian pemilik tanah. Jika tidak dilaksanakan, pegangan tanah kekal akan ditukar kepada pajakan mengikut tempoh yang ditetapkan mengikut garis pandu di bawah Seksyen 3F. Manakala jika OBRB mewarisi tanah berpegangan pajakan, hanya baki tempoh pajakan tanah akan didaftarkan.

Seksyen 3D adalah berkenaan dengan pemilikan tanah oleh golongan *stateless* yang dihuraikan di atas.

Manakala Seksyen 3E menjelaskan bahawa bekas rakyat Brunei dan bekas penduduk tetap adalah dikehendaki untuk menjual tanah pegangan kekal mereka kepada rakyat Brunei dalam tempoh 10 tahun selepas mereka melepaskan atau dibatalkan status kewarganegaraan atau penduduk tetap tersebut. Sekiranya gagal, tanah tersebut akan ditukar kepada pegangan pajakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Seksyen 3F membenarkan menteri, untuk mengeluarkan garis panduan, dengan kebenaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Mesyuarat, berhubung dengan tempoh maksima pajakan yang dibenarkan, tertakluk kepada tujuan pembelian atau pemilikan.

Garis panduan ini menetapkan tempoh maksima pajakan yang dibenarkan bagi pembangunan rumah kedai dan pembangunan perindustrian adalah sehingga 30 tahun, manakala tempoh maksimum pajakan yang dibenarkan bagi pembangunan rumah kediaman dan pembangunan komersial / bersepadu adalah sehingga 60 tahun.

Sementara Seksyen 32A pula menjelaskan bahawa rakyat Brunei adalah dilarang daripada membeli atau memperoleh mana-mana tanah sebagai penama (*nominee*) untuk OBRB ataupun penduduk tetap tanpa kewarganegaraan. Sebarang dokumen atau instrumen amanah yang wujud bagi maksud tersebut adalah terbatal dan tidak sah.

Tujuan pindaan ini adalah untuk memberi penjelasan dan ketelusan undang-undang berkaitan pegangan tanah oleh OBRB dan juga penduduk tetap yang tidak memegang kerakyatan negara lain (golongan *stateless*).

Antara objektif utama pindaan ini adalah agar maklumat pendaftaran pemilikan tanah di NBD dapat diperbetulkan, memastikan ia tepat dan mencerminkan hakikat sebenar pemilikan tanah oleh orang Rakyat Brunei, orang bukan rakyat dan golongan *stateless*.

Pelaksanaan pindaan ini akan meningkatkan lagi tahap urus tadbir tanah, memperkukuhkan dasar pemilikan tanah serta menggalakkan pembangunan hartanah yang lebih tersusun dan progresif di NBD.

Pindaan-pindaan ini telah dibuat berikutan beberapa siri dialog dengan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Peguam Brunei Darussalam (Law Society of Brunei Darussalam), bagi mendapatkan pandangan, ulasan dan maklum balas yang konstruktif mengenai aplikasi dan keberkesanannya.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, orang ramai bolehlah berhubung dengan Unit LCAO di Jabatan Tanah melalui talian +673 2381181 ataupun menghantarkan e-mel ke *info.land@land.gov.bn*.

# 4 warga asing didakwa

**Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) ingin mengongsikan kepada orang ramai bahawa terdapat empat sesi pendakwaan telah dijalankan bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17 dan Akta Pasport, Penggal 146.

Keterangan pendakwaan tersebut adalah Osman Gani, seorang lelaki warganegara Bangladesh berumur 47 tahun telah pun dijatuhkan hukuman empat bulan penjara dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh. Hukuman mula berkuat kuasa pada 20 Mei 2025.

Sementara itu, Orlando Jr. Agustin Viloria, seorang lelaki warganegara Filipina berumur 32 tahun telah pun dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND1,000 dan penjara selama tiga bulan setelah didapati bersalah bagi kesalahan Bab 5(2), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu keluar tanpa melalui pos kawalan yang diisytiharkan di Negara Brunei Darussalam dan kesalahan Bab 3(1), Akta Pasport, Penggal 146 iaitu kegagalan untuk menyerahkan pasport kepada pegawai imigresen yang bertugas semasa hendak masuk ke negara ini.

Walau bagaimanapun, Orlando Jr. Agustin Viloria gagal untuk membayar denda tersebut dan diganti dengan satu bulan penjara yang mana menjadikan keseluruhan hukuman pemenjaraan beliau kepada empat bulan. Hukuman mula berkuat kuasa pada 24 Jun 2025.

Mat Aedi, seorang lelaki warganegara Indonesia berumur 43 tahun telah pun dijatuhkan hukuman 12 bulan penjara dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresennya mansuh dan kesalahan Bab 55(1)(l) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu menggunakan dokumen palsu, yang diubah dengan menyalahi undang-undang atau yang luar aturan yang dikeluarkan di bawah Akta. Hukuman mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2025.

Manakala, Anurat Leksingto, seorang lelaki warganegara Thailand berumur 45 tahun telah pun dijatuhkan hukuman penjara selama tujuh bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh. Hukuman mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2025.

Berikutan dengan kes-kes yang didakwa, JIPK memberikan peringatan kepada orang ramai terutama warganegara asing bahawa tinggal lebih masa di negara ini merupakan satu kesalahan dan sabit kesalahan boleh membawa kepada hukuman penjara.

# KONVOI SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN






SESI bergambar ramai di pengakhiran konvoi di tempat letak kereta Seria GoStrike Bowling Centre, Seria (kiri). Manakala gambar atas, antara kenderaan Mercedes Benz yang menyertai konvoi berkenaan.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, ihsan Kelab Benzer**

**JERUDONG**, Selasa, 15 Julai. - Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 pada tahun ini terus disemarakkan dengan pelbagai acara yang merupakan sebagai tanda kecintaan buat raja tersayang.

Kelab Benzer (Benzer Club) juga tidak ketinggalan memeriahkan sambutan tersebut dengan mengadakan Konvoi Khas yang disertai kira-kira 24 buah kenderaan Mercedes Benz, hari ini.

Konvoi berkenaan menyatukan jenama Mercedes Benz baik yang lama mahupun model yang baharu dengan perjalanan sejauh lebih 100 kilometer.

Konvoi bermula dari kawasan letak kereta Jerudong Park dan seterusnya melintasi lebuh raya sehingga melalui Teapot Roundabout di Kuala Belait dan berakhir di Seria GoStrike Bowling Centre, Seria.

Sebelum memulakan perjalanan, satu sesi taklimat mengenai tujuan acara dan aspek keselamatan telah disampaikan oleh Yang Dipertua Kelab Benzer, Awang Abusophian bin Haji Ismail, yang menekankan langkah memastikan kelancaran serta keselamatan sepanjang konvoi berlangsung.

Aktiviti tahunan ini antara lain bertujuan menzahirkan semangat cintakan raja, negara dan tanah air di samping memperkukuh tali silaturahim serta memupuk semangat kerjasama dan setia kawan dalam kalangan ahli Kelab Benzer.

Pihak Kelab Benzer juga merafakkan sembah tahniah dan Daulat Kebawah Duli Tuan Patik, kekal memerintah negara dan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dikurniakan kesihatan yang berterusan dan lanjut usia serta sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

# MINDA PEMBACA



## Mengurus masa, tekanan dalam dunia serba pantas

**MENGURUS** masa dengan baik adalah penting bagi setiap individu terutama di dalam dunia serba pantas. Bagi di beberapa negara yang sudah maju, tekanan dunia serba pantas sudah dialami oleh masyarakatnya sendiri. Tetapi di Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang sedang berkembang tekanan dunia serba pantas seolah-olah baru saja dialami. Di negara kita, kemajuan yang dianggap beiringan dengan masyakat dan ekonomi negara memberikan kita ruang bahawa tekanan yang kita alami tidaklah separah seperti yang dirasai di negara lainnya.

Melayu Islam Beraja adalah merupakan calak masyarakat Brunei yang perlu dipegang erat menjadi panduan masyarakat kita. Pertamanya dengan adanya Islam sebagai agama rasmi sudah semestinya mengajarkan kita cara mengurus masa dengan baik yang menyeimbangkan antara ibadat dan aktiviti seharian. Kedua Melayu sebagai budaya dan adat resam kita mengajarkan sentiasa mengajarkan kita nilai-nilai dan budi pekerti yang penting untuk kita sentiasa mengurus diri sendiri dan memberikan contoh yang baik di hadapan masyarakat meskipun menghadapi tekanan dalam dunia serba pantas.

Budaya Melayu yang sentiasa mengajarkan kita kehidupan masyarakat dan bergotong-royong mengajarkan kita untuk bekerja dengan lebih efisien dan tidak membuang masa. Hal yang dapat dilakukan bersama-sama menjadikan kita dapat menguruskan masa dengan lebih baik meskipun di balik tekanan dalam dunia serba pantas. Manakala dengan sistem kepimpinan beraja, menjadikan sistem pemerintahan negara dalam keadaan lebih teratur dan tidak rentan berhadapan dengan konflik masyarakat.

Di antara cara mengurus masa dengan baik adalah dengan memastikan keseimbangan antara aktiviti spiritual dan aktiviti harian. Keseimbangan hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan disiplin diri yang tinggi. Di antara pentingnya untuk melatih diri untuk menguruskan masa dengan baik adalah melalui aktiviti bermasyarakat, aktiviti keagamaan, aktiviti bersama keluarga dan aktiviti beriadah. Pentingnya aktiviti bermanfaat di dalam keseharian kita agar rohani dan fikiran sentiasa terdedah dengan hal-hal yang positif dan bernilai agar kesannya kita dapat menguruskan masa dengan efektif dan efisien.

Masa skrin atau *screen time* adalah merupakan salah satu isu utama yang merosakkan pengurusan masa kita di zaman serba pantas. Terlalu banyak masa skrin mengakibatkan kita untuk lebih banyak membuang masa melakukan hal *scrolling* tanpa menyedari waktu telah berlalu dengan pantas.

Mempelajari batasan iaitu batasan kehidupan dan berpegang pada jati diri adalah merupakan bahagian penting bagi memperbaiki pengurusan masa di dalam dunia serba pantas. Walhal, kunci utamanya adalah untuk kita belajar untuk menapis, memilih dan mengutamakan hal-hal penting yang dapat menjamin akal fikiran yang rasional, jiwa yang bersih dan fizikal yang kuat supaya jauh dari tekanan dan kegelisahan yang tidak terurus.

**Nama : Syafiqah Abd. Aziz**
**No. K/P : 01-068XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'.** Tarikh Tutup : **16 Julai 2025**
2. **'Media Sosial : Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'.** Tarikh Tutup : **23 Julai 2025**
3. **'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'.** Tarikh Tutup : **30 Julai 2025**

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# PLATFORM MELAHIRKAN PENULIS PUISI BERKUALITI





**ANTARA yang menyertai Bengkel Penulisan Puisi bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas (kiri dan kanan).**

**Berita dan Foto : Ihsan Organisasi Alumni Program Penulisan MASTERA (OPERA) Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Organisasi Alumni Program Penulisan MASTERA (OPERA) Brunei Darussalam baru-baru ini mengadakan Bengkel Penulisan Puisi bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Bengkel tersebut bertujuan untuk memberi ruang kepada penulis baharu mahupun penulis berpengalaman untuk mengembangkan bakat dan menghalusi teknik penulisan mereka.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua OPERA, Awangku Mohammad Noor Sham@ Awangku Hidie bin Pengiran Hidup.

Bengkel Penulisan Puisi tersebut dibimbing oleh Penolong Pensyarah Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Syahwal Nizam bin Haji Yani. Beliau merupakan Ketua Koordinator Penulisan Kreatif yang juga merupakan alumni 2019.

Antara objektif bengkel tersebut adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada orang ramai untuk mempelajari tentang sajak dan seterusnya memperbaiki sajak yang mereka hasilkan.

Selain itu, ia juga dihasrat untuk melahirkan para penulis puisi yang lebih berkualiti sebagai pelapis kepada penulis yang sedia ada. Peserta terdiri daripada penulis mapan dan penulis baharu.

# Mengetengahkan potensi, bakat murid-murid



**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei Madang**

**YANG Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri menyampaikan hadiah kepada murid-murid yang berjaya dalam aktiviti yang dipertandingkan (kiri), manakala gambar bawah, antara pelajar yang membuat persembahan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei Madang (STJ PGGMB Madang) hari ini mengadakan Kindergarten Showcase bagi murid-murid Kindergarten 1 hingga Kindergarten 3.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri.

Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua PGGMB, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohamad; Pengerusi Tetap PGGMB, Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong; Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abdul Rahman; Setiausaha Kewangan PGGMB, Awang Haji Juned bin Haji Ramli; Guru Besar STJ PGGMB Madang, Dayang Suraimah binti Kawi; guru-guru besar STJ PGGMB Belait, Lambak, guru-guru Kindergarten 1 hingga Kindergarten 3, ibu bapa dan penjaga murid- murid.

Menurut Dayang Suraimah, Kindergarten Showcase tersebut merupakan salah satu inisiatif pihak sekolah bagi mencungkil dan mengetengahkan potensi dan bakat murid-murid dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah seperti menyanyi, bercerita dan berlakon.

Beliau juga menyeru kepada ibu bapa dan penjaga murid agar sentiasa memberikan sokongan dan bantuan kepada anak-anak dalam mengasuh dan memberi bimbingan kepada mereka.

Majlis tersebut turut diisikan dengan pelbagai aktiviti seperti persembahan pentas dan tarian daripada Kindergarten 3, peragaan fesyen pakaian dalam kalangan murid-murid Kindergarten 1, tarian daripada Kindergarten 1, Pertandingan Bercerita Dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Kindergarten 1 hingga Kindergarten 3 dan seterusnya penyampaian hadiah kepada murid-murid yang berjaya.

Penyampaian hadiah kepada murid-murid yang berjaya dalam aktiviti yang dipertandingkan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Sambutan daripada ibu bapa dan penjaga murid sangatlah menggalakkan. Mereka menzahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada pihak sekolah kerana mengadakan majlis serupa tersebut yang memperlihatkan bakat, potensi dan kemahiran anak- anak mereka.

Semoga STJ PGGMB, Madang akan terus melahirkan murid-murid yang cemerlang, berjaya dan berpendidikan tinggi.






# SEORANG INDIVIDU, 2 SYARIKAT DIKENAKAN DENDA KOMPAUN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan kerjasama pihak Penguatkuasaan Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan denda kompaun ke atas seorang individu di Daerah Tutong pada 3 Julai 2025, hasil siasatan ke atas longgokan tayar di Pantai Jerudong. Kesalahan tersebut didapati melalui rakaman Kamera Litar Tertutup (CCTV).

Individu tersebut ialah Awang Suhhardie bin Haji Sulai, warganegara tempatan, dan didapati atas kesalahan melonggokkan tayar terpakai di tempat awam / tanah lapang di Pantai Jerudong. Beliau dikenakan denda kompaun sebanyak BND400.

Manakala, hasil rondaan rutin yang dijalankan di sekitar Mukim Kilanas oleh Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, JDBM pada 7 Julai 2025, mendapati sebanyak dua syarikat melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Syarikat-syarikat tersebut ialah Systematic Living Company dan didapati atas kesalahan melonggokkan kayu-kayu, papan atap yang terpakai di tanah lapang kawasan premis syarikat berkenaan di Kampung Bengkurong; manakala Kai Hwang Sdn. Bhd. pula didapati atas kesalahan melonggokkan sampah-sampah domestik, kotak, kayu dan bahan binaan di kawasan tapak binaan di Kampung Kilanas. Kedua-dua syarikat tersebut dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000.

Individu dan syarikat-syarikat yang telah dikenakan tindakan kompaun adalah dikehendaki untuk membersihkan kawasan tersebut dan menjelaskan denda kompaun tersebut dalam masa tujuh hari.

Jika gagal, kes akan dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30), iaitu sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu, manakala bagi syarikat tidak melebihi BND30,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam hal ini juga, pihak JDBM ingin mengongsikan talian Hotline bagi sebarang aduan berkaitan dengan pengotoran dan pembuangan sampah sarap tanpa kebenaran di tempat-tempat awam, bolehlah menghantar gambar berserta alamat lokasi melalui WhatsApp +673 8321581.





**INDIVIDU dan syarikat-syarikat yang telah dikenakan tindakan kompaun adalah dikehendaki untuk membersihkan kawasan tersebut dan menjelaskan denda kompaun tersebut dalam masa tujuh hari (kanan dan bawah).**






## ALAI PINTAR SOALAN 153

### SOALAN 16 JULAI 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Antara benda berikut, yang manakah tidak boleh ditarik oleh magnet?
   a) Penutup botol plastik
   b) Paku
   c) Duit syiling besi
2. Yang manakah nombor ganjil?
   a) 22
   b) 39
   c) 48
3. Antara berikut, yang manakah kata kerja?
   a) Membaca
   b) Meja
   c) Laju

**TARIKH TUTUP : 30 JULAI 2025**

### HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..............................
Tarikh Lahir : ..............................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..............................
Sekolah : ..............................
Tahun : ..............................
Alamat : ..............................
..............................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..............................

### PEMENANG ALAI PINTAR 152 :

Nama : Ak. Md. Azfar Hasyimi bin Pg. Hasrul Ariffin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0146066-01. Sekolah : Sekolah Nusa Laila Puteri Cawangan Kiulap

Nama : Nur Shafaa Salsabila Syakirah binti Arman
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0133797-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Othman

Nama : Mohd. Harith bin Mohd. Hasnali
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0127891-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba I

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 152

1. B – 24 Jam
2. A – Bersih
3. C – Mencair menjadi air

# BELIA TEMPATAN GALAS PERANAN DALAM PERUBAHAN IKLIM




NATASYA Emeralda Leong mewakili Negara Brunei Darussalam menghadiri Forum Sukarelawan Belia ASEAN 2025 (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Biodiversiti dan Sejarah Semula Jadi Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Komitmen negara terhadap kelestarian alam sekitar menjadi tumpuan di Forum Sukarelawan Belia ASEAN 2025, di mana Natasya Emeralda Leong telah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai panel dalam Sesi 2 : Green Horizons – Youth Driving Environmental Change.

Acara ini berlangsung di Auditorium Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, menghimpunkan lebih 3,000 peserta belia dari seluruh Asia Tenggara.

Sebagai wakil Biodiversity and Natural History Society - BruWILD, Natasya Emeralda Leong berkongsi pandangannya mengenai tindakan iklim yang dipimpin belia, pemuliharaan biodiversiti dan kepimpinan akar umbi dalam bidang alam sekitar di NBD.

Beliau berucap bersama para penggerak perubahan dari Indonesia, Malaysia dan Singapura, mencerminkan momentum serantau yang semakin kukuh dalam meletakkan belia sebagai teras kepada kelestarian alam sekitar.

"Ia satu penghormatan untuk bersama rakan-rakan serantau dalam memperkasa belia dalam usaha pemuliharaan. Ini lebih daripada sekadar perbincangan. Ia adalah seruan kepada tindakan, penciptaan bersama dan keadilan iklim yang dipimpin oleh belia," ujar Natasya Emeralda Leong.

Di bawah tema ASEAN Youth : Catalysts for Inclusive and Sustainable Communities, forum ini bertujuan untuk memperkasa pemimpin muda dalam menangani isu serantau yang mendesak melalui kesukarelawanan, inovasi dan kerjasama rentas sempadan.

Panel Sesi 2, di mana Natasya berucap telah membincangkan perkara mengenai penyesuaian dan mitigasi perubahan iklim melalui tindakan belia; amalan alam sekitar berasaskan komuniti dan perkongsian serantau untuk pembangunan mampan.

Panel ini selaras dengan komitmen ASEAN terhadap perlindungan alam sekitar serta Matlamat Pembangunan Mampan PBB (SDG) 13 (Tindakan terhadap Iklim) dan 15 (Kehidupan di Daratan).




# Permohonan Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama, Berceramah Ugama dibukakan

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama**




**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 14 Julai. - Permohonan Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama bagi Musim Ketiga Ujian Temu Duga Tahun 2025 adalah dibukakan mulai 1 Julai 2025 hingga 16 Ogos 2025.

Pemegang Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama yang akan tamat tempoh sehingga 28 Februari 2026 adalah dinasihatkan untuk membuat permohonan memperbaharui tauliah berkenaan dalam tempoh enam bulan sebelum tamat tempoh tauliah.

Sementara itu, Ujian Temu Duga akan diadakan bermula pada bulan September 2025 hingga bulan Oktober 2025. Manakala keputusan ujian berkenaan dijangka akan dikeluarkan pada bulan November 2025.

Bagi borang permohonan dan syarat permohonan tauliah boleh didapati dengan mengimbas Kod QR yang tersedia. Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama menerusi talian +673 2381087.

# Biro Wanita MPK Tungku dan Katok sertai Bengkel Pastri



PARA peserta Bengkel Pastri semasa menerima sijil.

**Berita dan Foto : Ihsan Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Tungku dan Katok**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku dan Katok baru-baru ini mengadakan Bengkel Pastri, bertempat di Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, Kampung Tanah Jambu.

Bengkel tersebut dikendalikan dengan bimbingan tenaga pengajar dari Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Seramai 16 peserta bengkel daripada Ahli Biro Wanita MPK Tungku dan Katok menyertai bengkel tersebut.

Turut hadir, Ketua Biro Wanita MPK Tungku dan Katok, Dayang Saleha binti Haji Liman.

Penyampaian Sijil Penyertaan kepada para peserta disempurnakan oleh Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Belia, KKBS, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Dengan adanya bengkel tersebut diharapkan dapat memberi manfaat dan suntikan semangat, kemahiran serta menarik minat para peserta untuk menjana pendapatan dalam bidang keusahawanan.

PELITA BRUNEI



# Merafak sembah menjunjung kasih

Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei dengan kerjasama Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat
Foto : Ihsan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

## AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

**ALHAMDULILLAH** kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan penuh hormat dan takzim, secara peribadi dan bagi mewakili Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang dilantik dengan tulus ikhlas merafakkan sembah setinggi-tinggi tahniah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-79 Tahun.

Dalam kesempatan ini, selaku wakil Ahli MMN dengan penuh hormat dan takzim dengan hati yang hening laila jernih membaharui tekad dan penuh iltizam lagi padu untuk menyembahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mendukung sepenuhnya kepimpinan dan kerajaan baginda serta memberikan komitmen sepenuhnya dan kerjasama yang erat lagi padu ke arah untuk terus-menerus berusaha dalam meningkatkan tahap perkembangan sosioekonomi negara yang lebih dinamik, progresif dan mapan sekali gus mengembangmajukan lagi taraf kehidupan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan seterusnya bersama-sama mencapai dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di NBD yang bertuah ini, marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan setinggi-tinggi menjunjung kasih kerana dengan kepimpinan, kewibawaan, kebijaksanaan serta keprihatinan yang mendalam baginda berlandaskan ajaran agama Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah dan juga mengambil kira prinsip Maqasid Syariah, Alhamdulillah membolehkan kita semua terus-menerus menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan baginda dalam suasana kehidupan yang aman damai, makmur, penuh keharmonian dan kestabilan lagi diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala sekali gus insyaaAllah negara ini kekal sebagai negara *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*.

Akhirul kalam, marilah kita bersama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon syafaat Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam semoga Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja sentiasa dikurniakan taufik, rahmat, inayah dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta berkeadaan sihat walafiat serta penuh kesejahteraan yang berpanjangan. Juga didoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia kekal karar memerintah di atas singgahsana Kerajaan NBD di bawah naungan dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Amin Ya Rabbal Alamin*.

## AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam.



**SYUKUR** alhamdulillah, dengan penuh hormat dan takzim, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafak sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-79 Tahun pada 15 Julai 2025 Masihi ini bersamaan dengan 19 Muharam 1447 Hijrah.

Pada tarikh yang bersejarah ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan tulus ikhlas menjunjung tinggi rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Tuan Patik, yang berlandaskan prinsip Melayu Islam Beraja yang telus dan keprihatinan berterusan Kebawah Duli Tuan Patik untuk memperkukuh perpaduan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) di samping memperkukuh kestabilan ekonomi dan pembangunan serta kemakmuran negara yang kita kasihi ini.

Di bawah naungan Kebawah Duli Tuan Patik, NBD terus melangkah dengan yakin dalam pembangunan yang bersepadu. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa menyokong aspirasi rakyat, memperkasa peranan wanita, kanak-kanak dan warga emas, menyemai nilai kepimpinan dalam generasi muda dan memperteguh jati diri bangsa melalui pemeliharaan warisan budaya yang amat berharga.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik berasa amat terinspirasi dengan titah-titah Kebawah Duli Tuan Patik yang penuh hikmah, memberi arah kepada pelbagai inisiatif berwawasan dan bersifat inklusif, sejajar dengan cabaran dunia masa kini. Semoga NBD terus menjadi Negara Zikir yang berdaya saing dan maju dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Akhir kalam, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik memanjatkan setulus doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam lindungan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan kesihatan yang sempurna, umur yang diberkati serta kesejahteraan yang berpanjangan, memayungi NBD dengan penuh kedaulatan dan kebesaran dengan bimbingan dan pegangan Al-Quran dan As-Sunnah, insyaaAllah.

## AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.



**SEGALA** puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan seru sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ahli keluarga Baginda serta para sahabat yang setia hingga ke akhir zaman.

Dengan rasa rendah diri, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, selaku pemimpin akar umbi dan mewakili seluruh pemimpin akar umbi Negara Brunei Darussalam (NBD), merafak sembah setinggi-tinggi penghargaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-79 Tahun.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah dikurniakan seorang raja dan pemimpin yang adil, berwawasan dan penuh kasih terhadap rakyat telah membawa NBD mencapai keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang berpanjangan. Baginda adalah lambang perpaduan, payung kedaulatan dan sumber inspirasi kepada rakyat jelata. Kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan di bawah kepimpinan baginda.

Selaku pemimpin akar umbi, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan rakan-rakan sentiasa menjunjung tinggi segala titah dan amanat baginda, khususnya dalam memperkasa kesejahteraan rakyat di peringkat mukim dan kampung. Akan terus berganding bahu dalam menjunjung dan merealisasikan segala hasrat dan dasar baginda demi kemajuan, keharmonian dan kesejahteraan NBD yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Dengan penuh ikhlas, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan seluruh rakyat jelata tidak putus-putus berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat dan perlindungan ke atas baginda, dikurniakan kesihatan yang sempurna, usia yang panjang serta kekuatan dan kebijaksanaan dalam memimpin NBD yang tercinta. Kekal karar memerintah negara. Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.

## AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.



**SEGALA** puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah dengan merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia rahmat, taufik inayah serta izin-Nya jua *kitani* selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) amnya dan di Daerah Temburong ini khususnya sekali lagi dapat bersama-sama menzahirkan rasa kegembiraan untuk sama-sama meraikan hari yang bersejarah dan penuh keceriaan yang mana sering dinanti-nantikan setiap 15 Julai, iaitu Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun.

*Kitani* di NBD ini, amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana dengan kebijaksanaan baginda, negara kita terus-menerus berada dalam keadaan aman, damai dan tenteram di mana kita dapat terus menjalani kehidupan yang selesa di bawah kepimpinan baginda.

Dalam *kitani* sama-sama membantu kerajaan memperkembangkan dan memajukan negara, Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung tidak ketinggalan dalam turut serta mengungkayahkan apa jua aktiviti-aktiviti perekonomian sebagai menyahut seruan kerajaan untuk terus berusaha membantu sara diri.

Ini terbukti di mana penglibatan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam sektor perniagaan baik secara komersial mahupun sederhana, kemajuan ke arah perkembangan ekonomi, kemasyarakatan serta pembangunan prasarana (infrastruktur) adalah jauh lebih baik dan sangat-sangat berpotensi besar.

Kita melihat dengan adanya perkembangan ini, kemajuan di Daerah Temburong tidak akan jauh ke belakang dari daerah-daerah yang lain.

Dalam mensejahterakan mukim dan kampung, beberapa inisiatif-inisiatif Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang telah diungkayahkan oleh penduduk-penduduk kampung dengan kerjasama pihak Jabatan Daerah dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, membangun tempat-tempat persiaran dan riadah yang boleh dikunjungi oleh segenap lapisan masyarakat, dan di samping itu juga penglibatan agensi-agensi kerajaan di bawah pemeliharaan tempat-tempat yang bersejarah di kampung-kampung dan tempat-tempat pelancongan turut serta diberikan sumbangan serta perhatian bagi kepentingan penduduk kampung sebagai bantuan kerajaan perancangan sosioekonomi yang berterusan.

Untuk akhirnya, saya mewakili penghulu mukim dan ketua-ketua kampung selaku wakil rakyat dan penduduk kampung di daerah ini khususnya ingin merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus sihat walafiat, kekal karar di atas singgahsana memimpin NBD dengan kebijaksanaan dan aman. *Amin Ya Rabbal Alamin*. Wasallam. Dirgahayu Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.

# SENTIASA WASPADA TERHADAP VIDEO 'DEEPFAKE'

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), ingin memaklumkan kepada orang awam agar sentiasa berwaspada terhadap sebarang video *deepfake* yang memaparkan pegawai atau anggota PPDB atau mana-mana individu dengan menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI), khususnya dalam bentuk video pendek, yang dimuat naik ke platform media sosial seperti TikTok, Facebook dan Instagram untuk tujuan penipuan.

Dalam modus operandi seperti ini, *scammer* akan menyiarkan video pendek menggunakan video dan audio yang telah dimanipulasi untuk menyerupai anggota polis, dengan tujuan memperdaya mangsa agar melabur dalam skim pelaburan palsu melalui pelbagai platform media sosial.

Sejak kebelakangan ini, beberapa video dari akaun TikTok yang sama telah didapati menggunakan teknik *deepfake* untuk menyamar sebagai pegawai polis, bagi menarik mangsa menyertai skim pelaburan penipuan yang dinamakan sebagai 'nyata kemunculan wang ajaib', dengan dakwaan skim tersebut telah berjaya membantu menyelesaikan pelbagai masalah kewangan.

BSJS menasihatkan orang awam agar tidak mudah terpedaya dengan video-video seperti ini atau apa-apa kandungan yang menjanjikan wang mudah atau keuntungan dalam jangka masa pendek.

*Scammer* akan sentiasa mencari mangsa dengan menjanjikan cara cepat untuk memperoleh keuntungan besar. Namun, mangsa hanya akan menyedari telah ditipu selepas pemindahan wang 'deposit pelaburan' dilakukan tetapi keuntungan yang dijanjikan tidak pernah diterima.

BSJS juga ingin menegaskan bahawa sebarang skim pelaburan yang tidak diluluskan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) atau mana-mana bank tempatan adalah tidak sah dan berisiko tinggi.

Orang awam disarankan untuk melaporkan sebarang aktiviti penipuan atau kandungan mencurigakan kepada balai polis yang terdekat atau Talian Kecemasan Polis 993 serta memaklumkan kepada pihak bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang transaksi mencurigakan.



**SENTIASA berwaspada terhadap sebarang video *deepfake* yang memaparkan pegawai atau anggota PPDB atau mana-mana individu dengan menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI).**




# PPNBD adakan Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun 2025, di Surau PPNBD, Kampung Beribi, Gadong.

Hadir pada majlis tersebut, Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Kesyukuran dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin; Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya - pesuruhjaya Pengakap, Penolong-penolong Pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin-pemimpin Pengakap serta Ahli-ahli Pengakap Muda dan Pengakap Remaja serta Pengakap Kelana.

Majlis berkenaan diadakan sebagai menzahirkan kesyukuran atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat dan kekal karar memerintah negara.



**PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) semasa mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun 2025.**

# Bantu kesan pekerja lari

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BERAKAS**, Isnin, 14 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Berakas ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dipercayai lari daripada majikan, iaitu Monica Verolina, berusia 27 tahun, dengan nombor pasport E7064982.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Berakas menerusi talian +673 2330410 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



**SEORANG pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dipercayai lari daripada majikan, iaitu Monica Verolina.**

BERITA GLOBAL

# DOKTOR JERMAN DIDAKWA BUNUH 15 PESAKIT DALAM KES BERPROFIL TINGGI

**BERLIN**, 14 Julai. - Perbicaraan kes pembunuhan berprofil tinggi membabitkan seorang doktor di Jerman yang dituduh membunuh 15 pesakit bermula di Berlin pada Isnin, mencetuskan perhatian meluas media dan kemarahan orang ramai, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Doktor penjagaan paliatif berusia 40 tahun itu didakwa membunuh 12 wanita dan tiga lelaki antara September 2021 dan Julai 2024.

Dia didakwa memberikan 'campuran ubat yang membawa maut' kepada mangsa yang berusia 25 hingga 94 tahun.

Pendakwa raya turut menyiasat berpuluh lagi kes yang disyaki berkaitan dengan perbicaraan itu.

Mahkamah Wilayah Berlin menetapkan 35 sesi pendengaran sehingga Januari 2026, dengan sekurang-kurangnya 13 waris mangsa bertindak sebagai plaintif bersama dalam kes itu.

Kira-kira 150 saksi dijangka memberi keterangan.

Doktor itu dipercayai melakukan kesalahan semasa bertugas untuk perkhidmatan penjagaan di Berlin.

Peguam bela Christoph Stoll berkata doktor itu tidak akan memberikan sebarang kenyataan ketika prosiding dimulakan. - ©BERNAMA

## Pihak berkuasa Republik Indonesia sahkan penemuan bangkai feri

**JAKARTA**, 14 Julai. - Pihak berkuasa Republik Indonesia telah mengesan bangkai feri KMP Tunu Pratama Jaya yang karam pada malam 2 Julai di Selat Bali berhampiran Ketapang di Banyuwangi, Jawa Timur, menurut pegawai.

Menteri Pengangkutan, Dudy Purwagandhi berkata rancangan sedang disusun untuk mengapungkan semula feri itu yang ditemui kira-kira 3.9 kilometer dari lokasi terakhir ia dikesan.

"Operasi pengapungan akan dilaksanakan mengikut prosedur ketat bagi memastikan keselamatan pasukan memandangkan arus bawah laut yang kuat. Kami berharap operasi ini berjalan lancar bagi menyokong siasatan," katanya dalam satu kenyataan.

Kedudukan feri itu disahkan secara rasmi pada 12 Julai apabila pasukan penyelam yang menggunakan peralatan diubah suai berjaya merakam imej jelas bangkai feri yang terbalik pada percubaan ketiga mereka, termasuk nama kapal, badan dan pintu laluan, menurut laporan Perkhidmatan Maklumat Tentera Laut.

Penemuan itu adalah hasil operasi mencari yang bermula pada 9 Julai, melibatkan Tentera Laut dan Agensi Mencari dan Menyelamat Nasional (Basarnas), selepas kapal peninjau hidro-oseanografi KRI Spica-934 mengesan objek bawah air pada kedalaman 50 meter.

Imbasan susulan mengesahkan objek berkenaan sepadan dengan dimensi feri, namun cubaan pada 11 Julai untuk melakukan pemeriksaan menggunakan kenderaan kawalan jauh gagal akibat arus kuat, menurut laporan itu.

Setakat Isnin - hari terakhir operasi SAR bersama melibatkan Basarnas, tentera, polis dan komuniti nelayan tempatan - pasukan berjaya menemukan 48 orang, termasuk 30 yang terselamat dan 18 disahkan maut dengan seorang daripadanya merupakan warganegara Malaysia.

Feri yang membawa 12 kru, 53 penumpang dan 22 kenderaan itu berlepas dari Pelabuhan Ketapang ke Pelabuhan Gilimanuk di Bali pada 2 Julai sebelum menghantar isyarat kecemasan pada 11.20 malam dan karam 15 minit kemudian.

Usaha mencari akan diteruskan oleh Basarnas dan pihak berkuasa wilayah bermula Selasa, memandangkan masih ada penumpang - termasuk yang tidak disenaraikan - dilaporkan masih hilang. - ©BERNAMA

## EU tangguh tarif ke atas barangan AS biarpun Trump umumkan levi 30 peratus

**BRUSSELS,** 14 Julai. - Kesatuan Eropah (EU) akan melanjutkan penangguhan tarif terhadap barangan import dari Amerika Syarikat (AS) sehingga awal Ogos meskipun Washington mengumumkan cukai sebanyak 30 peratus ke atas import daripada blok itu, kata Presiden Suruhanjaya Eropah, Ursula von der Leyen pada Ahad, lapor agensi berita Jerman (dpa).

"Amerika Syarikat telah menghantar surat kepada kami berkenaan langkah yang akan dikuatkuasakan sekiranya tiada penyelesaian melalui rundingan," katanya. "Oleh itu, kami juga akan melanjutkan penangguhan terhadap tindakan balas kami sehingga awal Ogos".

Langkah itu diumumkan selepas Presiden AS, Donald Trump pada Sabtu berkata beliau akan mengenakan tarif 30 peratus ke atas import dari EU bermula 1 Ogos, meskipun rundingan untuk mengelakkan perang dagang masih berjalan.

Dalam surat yang dihantar kepada von der Leyen dan dimuat naik di platform Truth Social, Trump mengadu mengenai defisit perdagangan AS yang berpanjangan, besar dan ketara dengan EU, sambil menuduh blok 27 negara itu mengamalkan dasar dan halangan perdagangan yang tidak adil.

Trump menyatakan pentadbirannya bersedia menarik balik kadar tarif tinggi itu sekiranya Kesatuan Eropah, atau mana-mana negara anggotanya, memutuskan untuk membina atau mengilang produk di Amerika Syarikat.

Von der Leyen menegaskan EU tidak akan berdiam diri dan akan terus bersiap sedia dengan tindakan balas tambahan dalam beberapa minggu akan datang sambil berkata: "Kami benar-benar bersedia".

Susulan surat Trump itu, EU berpotensi mengenakan tarif timbal balik awal terhadap tindakan AS yang terdahulu melibatkan produk keluli dan aluminium daripada blok berkenaan sebaik sahaja penangguhan asal tamat pada Selasa. - ©BERNAMA

## Perdagangan luar China meningkat 2.9 peratus pada H1

**BEIJING,** 14 Julai. - Jumlah import dan eksport barangan China dalam denominasi yuan meningkat kepada 21.79 trilion yuan (kira-kira 3.05 trilion dolar AS) pada separuh pertama 2025 (H1), meningkat 2.9 peratus tahun ke tahun, data rasmi menunjukkan Isnin.

Kadar pertumbuhan itu dipercepatkan daripada kenaikan 2.5 peratus yang dicatatkan dalam lima bulan pertama tahun ini, menurut Pentadbiran Am Kastam (GAC).

Eksport negara meningkat 7.2 peratus tahun ke tahun dalam tempoh enam bulan pertama tahun itu, manakala import jatuh 2.7 peratus, menurut data GAC. - ©XINHUA

## Chelsea juara Piala Dunia Kelab FIFA 2025

**ANKARA,** 14 Julai. - Chelsea menjuarai Piala Dunia Kelab FIFA 2025 pada Ahad selepas menewaskan Paris Saint-Germain (PSG) 3-0 pada perlawanan akhir yang turut disaksikan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

Menurut Anadolu Ajansi (AA), perlawanan akhir berlangsung di Stadium MetLife di New Jersey, AS, menyaksikan kelab dari England itu berdepan pasukan dari Perancis.

Chelsea mendahului 3-0 pada separuh masa pertama hasil jaringan Cole Palmer pada minit ke-22 dan 30, serta Joao Pedro pada minit ke-43. Tiada jaringan tambahan pada separuh masa kedua.

Pemain PSG, Joao Neves dilayangkan kad merah pada minit ke-84 selepas menarik rambut pemain Chelsea, Marc Cucurella.

Trump kemudian menyampaikan pingat kemenangan dan trofi Piala Dunia Kelab kepada pemain Chelsea, serta menyerahkan pingat naib juara kepada PSG. - ©BERNAMA

## Thailand ambil tindakan tegas penjualan produk berproses mengandungi kanabis

**BANGKOK**, 14 Julai. - Kerajaan Thailand sedang memperhebat langkah untuk mengawal penjualan haram produk berproses yang mengandungi kanabis bagi melindungi kesihatan awam, khususnya kanak-kanak dan golongan muda.

Timbalan Jurucakap Kerajaan, Sasikan Watthanachan berkata kerajaan telah mengarahkan Kementerian Kesihatan Awam, melalui Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) serta pejabat kesihatan awam wilayah, melaksanakan pemeriksaan ketat dan operasi penguatkuasaan terhadap produk haram berkenaan.

"Pegawai kesihatan awam diberi kuasa untuk menahan dan mengenakan denda terhadap pengusaha perniagaan yang mencampurkan kanabis dalam makanan, snek atau minuman yang mengandungi ekstrak ganja melebihi had yang dibenarkan.

"Sekiranya berlaku pelanggaran, kes itu mesti dirujuk kepada polis untuk tindakan undang-undang," katanya dalam kenyataan yang disiarkan di laman sesawang rasmi Kerajaan Thailand pada Isnin.

Menurut Sasikan, kementerian telah pun mengeluarkan arahan penggantungan lesen terhadap pengusaha yang melanggar undang-undang manakala kesalahan seperti mencampurkan ganja ke dalam makanan tanpa kebenaran atau kegagalan mematuhi peraturan pelabelan boleh dikenakan denda sehingga 30,000 baht (AS$920), penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya sekali.

Kerajaan Thailand turut mengulangi amaran kepada orang ramai, terutamanya ibu bapa dan remaja, mengenai bahaya pengambilan 'gula-gula getah kanabis' yang mengandungi THC (tetrahidrokanabinol) dan CBD (kanabidiol).

THC, bahan psikoaktif dengan sifat ketagihan dan boleh diserap dengan cepat ke dalam aliran darah lalu memasuki otak, menyebabkan rasa tenang, euforia, kelegaan tekanan serta peningkatan emosi.

Pengambilan dalam kuantiti yang banyak - khususnya dalam kalangan kanak-kanak atau pengguna kali pertama - boleh menyebabkan degupan jantung laju, muntah, pening, penglihatan kabur, kelemahan otot, halusinasi, halusinasi pendengaran, paranoia, pernafasan laju dan tekanan darah tinggi.

Pada 6 Julai, media tempatan Thailand melaporkan seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun dimasukkan ke hospital selepas secara tidak sengaja memakan 10 biji gula-gula yang dicampur dengan kanabis. - ©BERNAMA

## Polio dikesan dalam sampel alam sekitar di 11 lokasi di seluruh Pakistan

**ISLAMABAD**, 14 Julai. - Virus polio liar jenis 1 dikesan dalam sampel kumbahan dari 11 lokasi di seluruh Pakistan, menurut pihak berkuasa kesihatan negara itu pada Ahad, lapor Agensi Berita Xinhua.

Sebanyak 24 sampel kumbahan diuji pada Jun. Daripada jumlah itu, 13 didapati negatif, manakala 11 sampel mengesahkan kehadiran virus polio.

Menurut pihak berkuasa, penurunan dalam penularan virus itu adalah hasil daripada pemantauan yang lebih baik serta kempen vaksinasi berkualiti tinggi yang dilaksanakan di seluruh negara.

Sebagai sebahagian usaha berterusan membasmi penyakit itu, kempen imunisasi khas akan dijalankan dari 14 hingga 18 Julai di beberapa kawasan di wilayah barat laut Khyber Pakhtunkhwa dan wilayah utara Gilgit-Baltistan, menyasarkan lebih 150,000 kanak-kanak. Kempen susulan turut dirancang di Islamabad dan bandar kembarnya Rawalpindi dengan sasaran memvaksin lebih 160,000 kanak-kanak.

Pakistan kekal sebagai satu daripada hanya dua negara di dunia di mana virus polio liar masih endemik. - ©BERNAMA

## Pesawat kecil terhempas di Lapangan Terbang Southend di Britain

**LONDON**, 14 Julai. - Sebuah pesawat kecil dilaporkan terhempas di Lapangan Terbang Southend di Essex, sebuah daerah di tenggara England, menurut polis Essex pada Ahad, lapor Xinhua.

Menurut polis, mereka dimaklumkan sejurus sebelum 4 petang waktu tempatan mengenai insiden membabitkan sebuah pesawat sepanjang 12 meter dan kini sedang bekerjasama dengan pasukan kecemasan di lokasi kejadian.

Perkhidmatan Ambulans East of England memaklumkan bahawa empat ambulans dan empat kenderaan pasukan tindak balas kawasan berbahaya telah dikerahkan ke lokasi. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# EKSPORT ICT KOREA SELATAN BULAN JUN MENINGKAT




**SEORANG pelawat mengambil gambar pesawat pintar semasa Pameran Mobiliti Seoul 2025 di Bandar Goyang, Wilayah Gyeonggi Korea Selatan, pada 8 April 2025.**

**SEOUL**, 15 Julai. - Eksport produk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Korea Selatan meningkat untuk bulan kelima berturut-turut berikutan permintaan semikonduktor yang kukuh, data kerajaan menunjukkan pada hari Isnin.

Penghantaran produk ICT meningkat 4.7 peratus daripada tahun sebelumnya kepada AS$22.03 bilion pada Jun, mengekalkan aliran menaik sejak Februari, menurut Kementerian Perdagangan, Industri dan Tenaga.

Eksport cip melonjak 11.5 peratus untuk mencecah rekod tertinggi AS$14.98 bilion berikutan permintaan kukuh untuk produk mewah seperti kadar data berganda 5 (DDR5) dan memori jalur lebar tinggi (HBM) yang digunakan dalam cipset generatif kecerdasan buatan (AI).

Penghantaran untuk komputer dan peranti melonjak 12.7 peratus kepada AS$1.45 bilion, tetapi eksport peralatan komunikasi menyusut 0.7 peratus kepada AS$200 juta.

Penghantaran panel paparan turun 33.7 peratus kepada AS$1.29 bilion, dan eksport telefon mudah alih merosot 6.2 peratus kepada AS$790 juta.

Import untuk produk ICT melonjak 14.0 peratus sepanjang tahun kepada AS$12.41 bilion pada bulan Jun, menjadikan lebihan dagangan dalam industri ICT kepada AS$9.62 bilion.

Import untuk cip dan peranti mudah alih meningkat dalam dua angka, tetapi untuk komputer dan peralatan komunikasi mencatatkan kejatuhan dua angka bulan lepas. - ©XINHUA

# ASEAN, Rakan Dialog tegaskan komitmen terhadap tindakan iklim, daya tahan bencana

**KUALA LUMPUR,** 15 Julai. - ASEAN dan Rakan Dialognya mengulangi komitmen untuk memperkukuh kerjasama serantau dalam tindakan iklim, kelestarian alam sekitar dan daya tahan terhadap bencana, selaras dengan tema Pengerusi ASEAN 2025 Malaysia iaitu 'Keterangkuman dan Kemampanan'.

Komitmen itu dinyatakan dalam Kenyataan Pengerusi ASEAN yang dikeluarkan susulan Mesyuarat Pasca Persidangan Menteri-menteri Luar (PMC) 10+1 bersama Rakan Dialog yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 10 dan 11 Julai 2025.

ASEAN menyambut baik sokongan berterusan Rakan Dialog dalam memajukan usaha serantau berkaitan tindakan iklim dan kelestarian alam sekitar yang kekal sebagai antara isu paling mendesak di rantau ini.

Mesyuarat berkenaan turut menekankan kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang utama seperti pertumbuhan hijau, pencemaran jerebu rentas sempadan, pencemaran marin, perubahan iklim, pemuliharaan biodiversiti, pengurusan sumber air, pengurusan sisa, pendidikan alam sekitar, penggunaan dan pengeluaran lestari serta pembangunan bandar mampan.

ASEAN turut menggalakkan kerjasama melalui pusat-pusat kecemerlangannya, termasuk Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ACCC), Pusat Penyelaras ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ACCTHPC), Pusat ASEAN bagi Biodiversiti (ACB), Pusat Kajian dan Dialog Pembangunan Mampan ASEAN (ACSDSD), serta Pusat Meteorologi Khusus ASEAN (ASMC), bagi menyokong kerjasama serantau dan mempromosikan pembangunan mampan.

Memandangkan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap bencana alam seperti gempa bumi, taufan dan banjir, ASEAN turut menekankan keperluan memperkukuh kerjasama pengurusan bencana bersama Rakan Dialog.

ASEAN menghargai sokongan berterusan terhadap Pelan Kerja AADMER 2021-2025, khususnya dalam memperkukuh keupayaan Pusat Bantuan Kemanusiaan ASEAN bagi Pengurusan Bencana (AHA Centre) dan mekanisme tindak balas kecemasan serantau.

Mesyuarat itu turut mengalu-alukan kerjasama yang sedang dijalankan dalam bidang seperti sistem amaran awal, pencegahan dan mitigasi, penilaian risiko dan pemantauan, tindak balas serta pemulihan.

ASEAN dan Rakan Dialognya juga menantikan kesinambungan kerjasama di bawah Pelan Kerja AADMER 2026-2030 yang akan datang serta rangka kerja berkaitan termasuk Deklarasi Pemimpin mengenai Daya Tahan Mampan.

Rakan Dialog ASEAN terdiri daripada Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah (EU), India, Jepun, New Zealand, Korea Selatan, Rusia, United Kingdom dan Amerika Syarikat (AS).

Dalam mesyuarat itu, ASEAN dan Rakan Dialog menilai semula hubungan sepanjang tahun lalu dan menegaskan komitmen bersama untuk terus memperkukuh perkongsian dan kerjasama melalui pelaksanaan berkesan Pelan Tindakan masing-masing serta rangka kerja sedia ada.

Beberapa pencapaian penting turut diketengahkan, antaranya penubuhan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-Korea Selatan sempena Sidang Kemuncak ASEAN-Korea Selatan Ke-25 bagi meraikan ulang tahun Ke-35 hubungan dialog pada Oktober 2024, sambutan ulang tahun ke-50 hubungan dialog ASEAN-New Zealand tahun ini, serta penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) Kedua dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China pada Mei 2025.

Kenyataan penuh bertarikh 11 Julai boleh diakses di *https://asean.org/chairmans-statement-of-the-asean-post-ministerial-conference-101-sessions-with-the-dialogue-partners-and-trilateral-meetings/*.

Selain itu, beberapa Mesyuarat Trilateral turut diadakan antara Malaysia, Sekretariat ASEAN dan rakan dari Brazil, Norway, Switzerland serta Turkiye pada 8, 10 dan 11 Julai bagi membincangkan hala tuju masa depan dan meneroka kaedah mempererat kerjasama dengan hasil yang konkrit dan berimpak tinggi antara ASEAN dan Rakan Dialog Sektoral berkenaan. - ©BERNAMA

# PERZIM jamin pelihara struktur 'bastion' lama di Banda Hilir

**MELAKA**, 15 Julai. - Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) memberi jaminan struktur bersejarah dipercayai sebahagian daripada *bastion* Kota Melaka lama akan dipelihara berikutan lokasinya terletak dalam zon tapak warisan Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Pengurus Besarnya Erne Hamsah berkata ia susulan penemuan struktur berkenaan di tapak kerja pembinaan tempat letak kereta di hadapan Muzium Istana Melaka, Banda Hilir, yang sebelum ini merupakan Taman Larangan.

"Kerja-kerja konservasi telah pun dimulakan dengan pelantikan pakar konservator dan arkeologi untuk menjalankan kajian cari gali di kawasan tersebut manakala pembinaan parkir di bawah seliaan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) pula, kini mengalami penyusunan semula selepas penemuan struktur bersejarah itu.

"Kita memang akan pelihara (tapak tersebut) kerana antara dikenal pasti adalah struktur *bastion* lama yang penting dalam sejarah pertahanan Melaka dan pada masa sama sedang teliti bagaimana monumen itu boleh didedahkan kepada pengunjung tanpa menjejaskan kestabilan strukturnya memandangkan terdapat banyak faktor perlu diambil kira termasuk eleman alam sekitar seperti hakisan dan kerosakan fizikal," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Santai Warisan Sambutan Ulang Tahun Ke-17 Melaka Bandaraya Warisan Dunia sempena program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong Sekolah Kebangsaan Duyong, Perkampungan Hang Tuah di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Datuk Mohd. Noor Helmy Abdul Halem.

Mengenai projek tempat letak kereta yang sedang dibangunkan, Ernie berkata hanya jajaran terlibat secara langsung dengan struktur arkeologi dihentikan sementara, manakala bahagian lain pembinaan diteruskan.

Bernama pada Jun lepas melaporkan hasil kajian ekskavasi arkeologi di tapak asas tangga Taman Larangan behadapan Istana Kesultanan Melaka di Banda Hilir menemukan struktur binaan kota Melaka yang 'dikambus' dengan binaan kota dan kubu pertahanan (*bastion*) oleh penjajah Portugis sebelum dinaik taraf oleh Belanda dan British. - ©BERNAMA

# UK sambung semula proses tuntutan suaka rakyat Syria selepas 7 bulan

**LONDON**, 15 Julai. - United Kingdom (UK) menyambung semula pemprosesan tuntutan suaka dan permohonan penempatan tetap oleh rakyat Syria, menamatkan penangguhan yang dikenakan sejak Disember lalu berikutan keruntuhan pemerintahan Bashar al-Assad.

Menteri Keselamatan Sempadan dan Suaka UK, Dame Angela Eagle berkata Kementerian Dalam Negeri bertindak segera memulihkan sistem berkenaan sebaik sahaja penilaian yang boleh dipercayai dan berasaskan bukti dapat dijalankan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Berikutan keruntuhan pemerintahan rejim Assad, Kementerian Dalam Negeri menggantung semua temu duga dan keputusan permohonan suaka oleh rakyat Syria, seperti dimaklumkan kepada Parlimen pada 11 Disember 2024.

"Ini termasuk permohonan penempatan tetap oleh rakyat Syria, termasuk mereka yang dibawa ke UK di bawah Skim Penempatan Semula Individu Rentan Syria dan telah tamat tempoh lima tahun status pelarian. Sepanjang tempoh ini, kami tetap mendaftarkan semua permohonan," katanya dalam kenyataan.

Eagle menjelaskan bahawa penangguhan itu perlu kerana ketiadaan maklumat yang stabil dan objektif bagi menyokong penilaian risiko untuk penghantaran pulang ke Syria.

Beliau mengesahkan bahawa kerajaan akan mengeluarkan garis panduan serta maklumat terkini mengenai keadaan di Syria bagi membolehkan pegawai menyambung semula proses membuat keputusan.

Langkah itu disambut baik oleh Ketua Eksekutif Majlis Pelarian, Enver Solomon, yang menyifatkan keputusan itu akan memberi kelegaan kepada ramai pemohon Syria yang berdepan ketidaktentuan berpanjangan. - ©BERNAMA

# CEO TikTok mohon bertemu Menteri Luar Kanada berhubung penamatan operasi

**WASHINGTON**, 15 Julai. - Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TikTok, Shou Chew, memohon mengadakan pertemuan segera dengan Menteri Luar Kanada, Melanie Joly bagi membincangkan arahan penutupan operasi syarikat itu yang dikenakan oleh kerajaan Kanada.

"Saya menulis kepada anda untuk memohon satu pertemuan segera berhubung penamatan TikTok Kanada yang telah diarahkan oleh Kerajaan Kanada," kata Shou dalam surat bertarikh 2 Julai itu. "Saya memohon agar satu pertemuan secara bersemuka dapat diadakan dengan anda dalam tempoh dua minggu akan datang bagi membincangkan situasi mendesak ini".

Shou memberi amaran bahawa tanpa campur tangan Joly, TikTok terpaksa menutup operasinya di Kanada sepenuhnya. Semua kakitangan tempatan akan diberhentikan, dan syarikat bukan sahaja perlu menghentikan pelaburan berjumlah ratusan juta dolar tetapi juga sokongan kepada pencipta kandungan dan budaya Kanada.

Beliau turut berhujah bahawa keputusan untuk menutup pejabat TikTok Kanada di seluruh negara telah dibuat oleh kerajaan terdahulu dalam situasi yang berbeza, dan keadaan semasa tidak lagi mencerminkan realiti tersebut.

"Kami yakin kebimbangan Kanada boleh ditangani melalui protokol keselamatan data yang dipertingkat bagi data pengguna Kanada, disahkan oleh pihak ketiga yang dipercayai; serta menerusi langkah ketelusan dan pemantauan tambahan bagi meningkatkan akauntabiliti dalam isu seperti keselamatan dalam talian, pilihan raya dan campur tangan asing," kata Shou.

Pada November lalu, kerajaan di bawah bekas Perdana Menteri Justin Trudeau telah mengarahkan penutupan cawangan TikTok di Kanada, TikTok Technology Canada, atas alasan risiko terhadap keselamatan negara. Pada awal 2023, Ottawa juga melarang penggunaan aplikasi media sosial itu di semua peranti keluaran kerajaan persekutuan dengan alasan ia menimbulkan risiko terhadap privasi dan keselamatan. - ©BERNAMA




ePaper Pelita Brunei

# MSAPM ANJUR AKTIVITI RIADAH HIJRAH

Berita dan Foto : Ihsan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali, Pekan Muara



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat menyertai Aktiviti Riadah Hijrah (Walkaton).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 14 Julai. - Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali, Pekan Muara (MSAPM) baru-baru ini telah mengadakan Aktiviti Riadah Hijrah (Walkaton) bermula di kawasan letak kereta MSAPM.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Acara bermula dengan sesi senamrobik dan kemudian diikuti dengan walkaton yang dikepalai oleh tetamu kehormat majlis.

Laluan walkaton adalah dari MSAPM dengan mengelilingi kawasan Pekan Muara sejauh 3 kilometer.

# Jun Hao terkandas di pusingan pertama Terbuka Jepun

**KUALA LUMPUR**, 15 Julai. - Pemain perseorangan lelaki negara, Leong Jun Hao terkandas seawal pusingan pertama Terbuka Jepun 2024 selepas tewas kepada pemain Perancis, Alex Lanier hari ini.

Aksi yang berlangsung di Tokyo Metropolitan Gymnasium menyaksikan Jun Hao yang menduduki ranking ke-24 dunia itu tewas kepada juara bertahan yang juga pilihan kelapan kejohanan 12-21, 14-21 dalam tempoh 40 minit perlawanan.

Beregu lelaki negara, Nur Azriyn Ayuh-Tan Wee Kiong dan Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani dijadualkan turun dalam perlawanan petang di samping beregu wanita, Ong Xin Yee-Carmen Ting dan Go Pei Kee-Teoh Mei Xing.

Antara pemain yang turut beraksi di Terbuka Jepun 2025 ialah dua beregu lelaki negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik dan Man Wei Chong-Tee Kai Wun, serta beregu wanita utama, Pearly Tan-M Thinaah. - ©BERNAMA

# Kejohanan akuatik dunia tunda acara renang terbuka wanita 10km di Singapura akibat kualiti air

**SINGAPURA**, 15 Julai. - Acara renang terbuka wanita 10 kilometer sempena Kejohanan Akuatik Dunia yang dijadual berlangsung Selasa di Sentosa, Singapura ditunda berikutan isu kualiti air.

Dalam satu kenyataan, badan induk sukan akuatik dunia, World Aquatics memaklumkan keputusan itu dibuat demi memastikan keselamatan dan kesihatan para atlet.

Penangguhan itu diputuskan selepas semakan bersama wakil World Aquatics, Jawatankuasa Penganjur Singapura 2025, Jawatankuasa Perubatan Sukan World Aquatics serta Jawatankuasa Teknikal Renang Terbuka World Aquatics.

"Meskipun ujian yang dijalankan sejak beberapa hari lalu menunjukkan kualiti air di lokasi pertandingan berada dalam paras yang diterima, analisis sampel bertarikh 13 Julai menunjukkan bacaan melebihi tahap yang ditetapkan," menurut kenyataan badan itu.

Acara yang sepatutnya bermula pada 8 pagi Selasa kini dijadual berlangsung pada 10.15 pagi Rabu.

World Aquatics menjelaskan bahawa ujian susulan dan penilaian kualiti air akan terus dijalankan di lokasi pertandingan, dengan World Aquatics bersama Jawatankuasa Penganjur Singapura 2025 akan menentukan sama ada keadaan semasa selamat untuk meneruskan acara pada tarikh baharu.

"World Aquatics kesal atas segala kesulitan yang timbul akibat penangguhan ini dan menghargai komitmen serta persiapan semua atlet, jurulatih dan pasukan yang terlibat," menurut kenyataan itu.

World Aquatics menegaskan bahawa kesihatan dan keselamatan peserta kekal menjadi keutamaan dalam sebarang keputusan berkaitan pertandingan.

Kejohanan Akuatik Dunia 2025 di Singapura berlangsung dari 11 Julai hingga 3 Ogos, melibatkan acara polo air, terjun, renang artistik, renang air terbuka dan terjun tinggi. - ©BERNAMA

# Sukan SEA 2025 : MSN nafi persiapan skuad berbasikal lebuh raya lemah

**PETALING JAYA**, 14 Julai. - Majlis Sukan Negara (MSN) menafikan dakwaan berlaku kelemahan dalam persiapan skuad berbasikal lebuh raya negara ke Sukan SEA 2025 di Thailand, sambil menegaskan dana telah disalurkan kepada Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM).

Ketua Pengarah MSN, Jefri Ngadirin berkata peruntukan sebanyak RM300,000 telah diluluskan dengan sebahagian daripadanya sudah disalurkan dalam membiayai persiapan pasukan ke temasya dwitahunan itu.

"Kita telah mengadakan bengkel penyenaraian atlet ke Sukan SEA bersama PKBM pada 16 Januari lepas dan kedua-dua pihak bersetuju bahawa pasukan lebuh raya akan dibarisi pelumba profesional.

"Namun, keputusan untuk memilih sama ada Terengganu Cycling Team (TSG) atau Malaysian Pro Cycling (MPC) adalah di bawah bidang kuasa PKBM," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Anugerah Persatuan Penulis-penulis Sukan Malaysia (SAM)-100PLUS 2024 di sini hari ini.

Beliau berkata sebarang dakwaan bahawa MSN tidak membantu dari segi keperluan atau persiapan tidak sepatutnya timbul memandangkan tanggungjawab pemilihan skuad adalah di bawah PKBM.

Mengulas mengenai permohonan pembelian basikal oleh PKBM, beliau berkata jika TSG dipilih menyertai temasya itu, perkara berkenaan tidak timbul berikutan pasukan itu sudah memiliki kelengkapan yang diperlukan.

"Kalau benar ada perancangan baharu datang berbincang dengan kita untuk diteliti bersama," katanya.

Sementara itu, Jefri berkata isu penarikan diri oleh kelab tidak seharusnya berbangkit memandangkan terdapat persefahaman awal antara MSN dan PKBM.

Terdahulu, Presiden PKBM, Datuk Amarjit Singh Gill berkata skuad lebuh raya negara tidak akan menarik diri daripada menyertai Sukan SEA 2025 serta akan mempertahankan pingat dimenangi pada edisi lepas.

Beliau turut menafikan sebarang masalah dengan MSN dan menzahirkan penghargaan atas sokongan berterusan yang diberikan, termasuk dari aspek kewangan dan logistik.

Semalam, beberapa media melaporkan TSG dan MPC merasakan segala jasa dicurahkan mereka tidak dipandang selepas permohonan RM250,000 bagi tujuan persiapan ke temasya itu ditolak MSN pada mesyuarat persiapan yang berlangsung minggu lepas. - ©BERNAMA